

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO. *M*
HINGGA *6\$*)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA *g* [RUJUK
PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

SOALAN NO. : 9

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]

TARIKH : 2 APRIL 2012

SOALAN:

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang telah dan akan diambil oleh Kementerian dalam menangani kejadian hakisan pantai terutama di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung yang amat ketara pada masa kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sembilan (9) kawasan di Kelantan, enam belas (16) kawasan di Negeri Terengganu dan empat (4) kawasan di Negeri Pahang yang menghadapi masalah hakisan yang kritikal.

Untuk langkah jangka pendek bagi kawasan pantai yang telah terhakis,

Kerajaan telah membina struktur lapis lindung hakisan pantai seperti:

- i. pembinaan lapis lindung batu;
- ii. lapis lindung batu “*flexslab*”;
- iii. ‘*groin*’;
- iv. penambakan semula pasir yang telah terhakis;
- v. pembinaan “*breakwater*” dan
- vi. lain-lain kaedah yang bersesuaian.

Walau bagaimana pun, pelaksanaan kaedah tersebut agak terhad memandangkan kawasan yang terhakis setiap tahun amat banyak sedangkan peruntukan kewangan untuk projek mencegah hakisan tidak mencukupi.

Sebagai tindakan jangka panjang bagi mengatasi masalah hakisan pantai, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (*Integrated Shoreline Management Plan* - ISMP). Setakat ini enam (6) ISMP telah siap termasuk untuk negeri Pahang. Pelan ini akan dijadikan bahan rujukan bagi kawalan pembangunan oleh Pihak Berkua Tempatan (PBT) semasa meluluskan pembangunan di tepi pantai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 2008 sehingga kini, pihak JPS telah menyiapkan beberapa projek mencegah hakisan pantai di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti berikut:

- i. tiga (3) projek di Negeri Kelantan termasuk satu (1) projek sedang dalam

pelaksanaan;

ii. dua (2) projek di Terengganu; dan

iii. empat (4)
projek di negeri Pahang.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN :
[10] PR-1251-
L48238

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARI PAD A	Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG]
TARIKH	2 APRIL 2012
SOALAN	Y.B. Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan status pelaksanaan syor-syor daripada proses penilaian Universal Periodic Review (UPR) di Majlis Hak Asasi Bangsa-bangsa Bersatu yang dikeluarkan pada Februari 2009 termasuk syor meratifikasi konvensyen-konvensyen ICCPR, ICESCR, CAT dan CERD.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 62 saranan dan cadangan penambahbaikan promosi dan perlindungan hak asasi manusia telah diterima oleh Malaysia selepas berakhirnya, dengan izin, *Universal Periodic Review (UPR)* Malaysia yang pertama pada tahun 2009. Jawatankuasa pemantauan pelaksanaan UPR yang terdiri dari Kementerian dan Agensi-agensi Kerajaan mengadakan mesyuarat berhubung status pelaksanaan UPR ini setiap tiga bulan bagi membincangkan hala tuju dan penambahbaikan pelaksanaan. Malaysia akan mengemukakan Laporan *Universal Periodic Review* yang kedua pada tahun 2013.

3. Instrumen-instrumen antarabangsa mengenai hak asasi manusia seperti Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politikal (*International Covenant on Civil and Political Rights* -ICCPR), Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomik, Sosial dan Kebudayaan (*International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights* - ICESCR), Konvensyen mengenai Kesiksaan (*Convention Against Torture* -CAT), dan Konvensyen mengenai Pemansuhan Diskriminasi Kaum (*Convention on the Elimination of Racial Discrimination* - CERD) pula dibincangkan secara khusus dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal mengenai Penyertaan Malaysia ke Instrumen-instrumen Antarabangsa Mengenai Hak Asasi Manusia yang dipengerusikan oleh

Kementerian Luar Negeri. Sehingga 31 Disember 2011, Jawatankuasa Teknikal telah mengadakan perbincangan mengenai ICESCR dan memulakan perbincangan mengenai ICCPR bagi tujuan mengenalpasti percanggahan-percanggahan antara undang-undang negara dan kehendak peruntukan-peruntukan instrumen antarabangsa tersebut.

4. Bagi memastikan semua *stakeholders*, dengan izin, tidak terkecuali dari perbincangan ini, Kerajaan akan mengadakan siri perbincangan dengan masyarakat madani dalam memastikan semua pendapat dan pandangan diambil kira dalam usaha negara menyertai instrumen-instrumen antarabangsa mengenai hak asasi manusia ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

TUAN HAJI MOHD NOR BIN

OTHMAN (HULU TERENGGANU)

TARIKH

2 APRIL 2012 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman (Hulu Terengganu) minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi memajukan kawasan penemuan Batu Bersurat Hulu Terengganu sebagai kawasan yang mampu menarik para pelancong

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara sentiasa berusaha memajukan atau mempromosikan mana-mana kawasan yang mempunyai nilai sejarah, kebudayaan dan warisannya. Usaha yang dijalankan ini adalah melalui pelbagai cara termasuk membuat penyelidikan, menerbitkan dalam bentuk buku dan brosur serta lain-lain.

Sebagai makluman juga, pihak Kementerian melalui Jabatan Warisan Negara sedang dalam proses menerbitkan sebuah buku tentang hasil

SOALAN NO: 11

penyelidikan secara mendalam mengenai Batu Bersurat Terengganu. Penemuan-penemuan baru hasil penyelidikan ini boleh dipetik untuk dijadikan brosur untuk disebarluaskan kepada orang ramai yang mana secara tidak langsung akan dapat mempromosikan tempat jumpaan Batu Bersurat Terengganu.

Di samping itu, secara dasarnya pihak Kementerian juga menghargai serta menyokong usaha yang akan dijalankan oleh mana-mana pihak untuk menaikkan kawasan penemuan Batu Bersurat Terengganu sebagai satu tarikan pelancongan

serta mengalu-alukan tentang kesediaan pihak Kerajaan Negeri untuk mengusahakan tentang perkara ini. Pihak Kementerian sentiasa terbuka untuk diadakan sebarang perbincangan. Harus juga diketahui bahawa sebarang pelaksanaan akan mengambilkira peruntukan kewangan sedia ada.

SOALAN NO. 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' SERI MOHAMED NIZAR BIN JAMALUDIN
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH 2 APRIL 2012

SOALAN:

Dato⁵ Seri Mohamed Nizar Bin Jamaludin [Bukit Gantang] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai di setiap kawasan Parlimen di Perak tentang jumlah sebenar kemiskinan tegar kaum India.

JAWAPAN

Daripada sejumlah 995 isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin tegar pula, 114 isi rumah adalah dari kaum India dengan bilangan tertinggi adalah di kawasan Parlimen Taiping sejumlah 23 isi rumah diikuti oleh masing-masing sembilan 9 isi rumah di kawasan Parlimen Bagan Datoh dan Teluk Intan. Taburan bagi kaum India dalam kategori miskin tegar ikut kawasan Parlimen bagi negeri Perak adalah seperti di Jadual berikut:

STATISTIK KEMISKINAN EKASIH KAUM INDIA NEGERI PERAK MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN (SEHINGGA 31 DISEMBER 2011)

BIL.	PARLIMEN	MISKIN TEGAR
1.	Bagan Datok	9
2.	Batu Gajah	3
3.	Beruas	3
4.	Bukit Gantang	5
5.	Gopeng	6
6.	Ipoh Barat	3
7.	Ipoh Timor	3
8.	Kampar	8
9.	Kuala Kangsar	2
10.	Larut	2
11.	Lumut	3
12.	Padang Rengas	2
13.	Sungai Siput	6
14.	Taiping	21
15.	Tambun	6
16.	Tanjong Malim	7
17.	Tapah	3
18.	Telok Intan	9
19.	Tiada Maklumat	13
	JUMLAH	\ 114

Sehingga 31 Disember 2011, sejumlah 26,076 isi rumah atau 7.1% di negeri Perak telah berdaftar dalam eKasih. Dari jumlah tersebut, sejumlah 995 isi rumah atau 3.8% masih dalam kategori miskin tegar, 6,424 isi rumah atau 24.6% dikategorikan miskin, manakala 11,335 isi rumah atau 43.4% dalam kategori mudah miskin dan selebihnya 7,322 isi rumah atau 28.1% telah melepassi *threshold*.

Soaian No :13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN Y.B. DATO' SERI ONG KA
 CHUAN (TANJONG MALIM)

TARIKH 02.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM] minta Menteri Pelajaran menyatakan kadar keciciran pelajar-pelajar sekolah menengah terutama sekali pelajar luar bandar. Apakah usaha yang dirangka oleh Kementerian untuk membolehkan pelajar-pelajar yang tercicir ini mendapat peluang kedua dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran supaya mereka dapat memberi sumbangan positif terhadap pembangunan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Statistik pendidikan menunjukkan jumlah murid yang tidak menyambung pelajaran di semua peringkat persekolahan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dari tahun 2010 ke tahun 2011 adalah seramai 70,398 orang (1.5 peratus). Daripada jumlah tersebut, pada peringkat rendah ialah seramai 4,991 orang, transisi rendah ke menengah seramai 16,863 orang, dan di peringkat menengah seramai 48,544 orang.

Untuk makluman, tidak semua murid tersebut terus tercicir daripada mendapat pendidikan kerana terdapat sebahagian besar murid ini sebenarnya meneruskan pelajaran untuk mendapat pendidikan dalam bidang-bidang yang sesuai dengan kehendak ibubapa dan minta murid tersebut di institusi bukan di bawah KPM. Antara institusi pendidikan yang menjadi pilihan seperti sekolah swasta, sekolah

agama rakyat, Sekolah Menengah Persendirian Cina, sekolah antarabangsa dan belajar di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar seperti madrasah dan sebagainya. Terdapat juga murid-murid yang terus meninggalkan dunia pendidikan kerana tidak berminat terhadap pelajaran, masalah kesihatan dan juga memasuki alam pekerjaan.

KPM mengambil langkah untuk memperkasakan Pendidikan Vokasional dan Kemahiran bagi membuka ruang kepada murid menjadikan bidang kemahiran pilihan mereka. Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah pun melaksanakan program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di 15 buah Sekolah Menengah Kebangsaan sebagai program rintis pada tahun 2012.

Matlamat PAV adalah untuk menyediakan peluang kepada murid lepasan UPSR menjadi modal insan berkemahiran bekerja dan bersedia melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Objektif PAV secara umumnya adalah untuk mencegah keciciran murid pada peringkat rendah dan menengah rendah yang disebabkan oleh pelbagai punca seperti keciciran, murid lembam sehingga hilang minat untuk belajar, murid bermasalah disiplin, murid bermasalah sosio-ekonomi dan sebagainya. Murid akan belajar bidang kemahiran seawal Tingkatan satu hingga tingkatan tiga dan dianugerahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan Tahap 2 di akhir tingkatan 3. Usaha ini akan dapat melahirkan tenaga kerja mahir negara pada usia yang lebih muda.. PAV ditawarkan kepada murid-murid yang cenderung kepada pendidikan bercorak ‘hands-on’. Kurikulum PAV terdiri daripada 4 komponen utama pengajian iaitu jati diri, teknologi vokasional, kemahiran vokasional dan kemahiran keusahawanan. Kurikulum ini diharap dapat menarik minat dan kecenderungan murid terutama yang lemah pencapaian akademik

KPM berkeyakinan dengan usaha yang dilaksanakan ini akan dapat mengoptimumkan potensi setiap murid dalam memiliki kebolehpasaran (marketability), kemahiran pekerjaan (employability skills), kemahiran keusahawanan (entrepreneurship) dan jatidiri (self-esteem) yang tinggi.

Program ini juga akan menghasilkan hampir 9 000 orang murid dengan kemahiran tahap 2, pada tahun 2015 seawal umur murid 15 tahun. KPM berharap, dengan langkah ini akan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja mahir negara dan seterusnya mengatasi masalah murid yang tidak berminat dalam aliran akademik.

Rjm 64

SOALAN NO.: 14

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 2 APRIL 2012

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan senarai nama spesies haiwan liar yang dilindungi di seluruh Malaysia, berapa jenis bilangan haiwan liar yang dianggarkan masih hidup setakat ini dan berapa orang yang ditangkap kerana memiliki haiwan tersebut serta bilangan haiwan yang terlibat sejak dari tahun 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] terdapat dua tahap perlindungan hidupan liar yang disenaraikan di dalam jadual-jadual. Jadual Pertama ialah senarai spesies hidupan liar yang dilindungi manakala Jadual Kedua ialah senarai spesies hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya.

Spesies yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama dan Jadual Kedua dalam Akta 716 adalah seperti berikut:

Kelas	Jadual Pertama	Jadual Kedua	Jumlah
Mamalia	168	272	440
Burung	309	951	1260
Reptilia	252	65	317
Amfibia	38	9	47
Araknida	11	-	11
Serangga	46	4	50

Spesies-spesies yang disenaraikan merangkumi spesies dalam negara dan luar negara. Spesies ini merupakan hidupan liar yang masih boleh ditemui di habitat asal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2008 hingga 2011, sebanyak 189 orang telah ditangkap atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76] dan sebanyak 62 orang di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. Manakala spesies yang kerap terbabit dalam kesalahan pelanggaran Akta sepanjang tahun 2008 hingga 2011 ialah:

- | | | | |
|------|--------------|---|-------------|
| i. | Biawak Tikus | - | 16,674 ekor |
| ii. | Tenggiling | - | 1,040 ekor |
| iii. | Ular Sawa | - | 725 ekor |
| iv. | Biawak Air | - | 324 ekor |
| v. | Ular Senduk | - | 6 ekor |

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB TUAN WILLIAM @ NYALLAU
ANAK BADAK (LUBOK ANTU)**

TARIKH

2 APRIL 2012

SOALAN

15

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan bagi tahun 2012 untuk projek berikut:-

- (a) bekalan elektrik luar bandar dan namakan rumah-rumah panjang dan kampung-kampung yang terlibat; dan
- (b) bekalan air bersih dan namakan juga rumah-rumah panjang dan kampung-kampung yang terlibat

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada tahun 2012 telah meluluskan pelaksanaan 11 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di kawasan Parlimen Lubok Antu melibatkan penyambungan bekalan elektrik kepada 16 buah rumah panjang dan melibatkan 320 pintu dengan kos berjumlah RM6.66 juta. Kerja-kerja di tapak bina telah dimulakan pada 4 Julai 2011 dan Kementerian menjangkakan pelaksanaan projek ini dapat disiapkan pada 3 Januari 2013.

Bagi pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), sebanyak 2 buah projek telah diluluskan pelaksanaannya pada tahun 2012

yang melibatkan 1,077 buah rumah/pintu dengan kos sebanyak RM49.78 juta. Kesemua projek ini dijangka akan disiapkan sebelum Mei 2013.

Soalan No : 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
(SIPITANG)

TARIKH 02.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan telah dibelanjakan bagi membaiki sekolah-sekolah uzur di kawasan pedalaman, khususnya Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi membiayai pembinaan dan menaiktaraf semua sekolah di seluruh negara sama ada di kawasan bandar maupun di luar bandar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan serta keupayaan menyediakan infrastruktur fizikal dan guru-guru yang berkelayakan dan mencukupi. Sehubungan itu, KPM telah melaksanakan pemeriksaan status bangunan sekolah-sekolah uzur di seluruh negara termasuk kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak di bawah pelaksanaan Program Audit Fizikal Sekolah dimulakan pada tahun 2011.

Manakala dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10), kerajaan telah meluluskan pembinaan sekolah-sekolah di luar bandar di seluruh negara termasuklah di kawasan

Ahli Yang Berhormat. Setakat ini melalui *First Rolling* RMKeO sebanyak RM200 juta telah diluluskan melalui Program Pembangunan Luarbandar Sabah dan Sarawak.

Rjm 65

MXAUM-4-24-^

-NQ-AUB :,

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG]

2 APRIL 2012

TARIKH

4507

RUJUKAN

SOALAN :

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status orang Melayu Islam Kedah di Bukit Malut Langkawi, dari negara mana asalnya mereka, berapa jumlah, adakah mereka kini warganegara Malaysia dan adakah mereka diberikan hak mengundi dalam pilihan raya di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Machang yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, bagi mengenalpasti status individu-individu yang dimaksudkan sebagai Melayu Islam Kedah, Kementerian ini memerlukan butiran lanjut mereka seperti nombor kad pengenalan atau nombor sijil lahir beserta nama penuh dan alamat lengkap. Maklumat-maklumat tersebut akan membolehkan Kementerian membuat semakan tentang negara asal, jumlah dan juga taraf kewarganegaraan mereka. Berhubung isu mengenai hak mengundi, Kementerian berpandangan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia sebagai badan pengendali pilihan raya di negara ini, boleh dirujuk untuk mengenai pasti kelayakan individu-individu yang berkenaan sebagai pengundi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA 2
TARIKH APRIL 2012 (ISNIN)
SOALAN NO. 19
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta MENTERI PENGAJIAN
TINGGI menyatakan:-

- (a) apakah yang dimaksudkan kebebasan akademik di kalangan mahasiswa dalam Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA); dan
- (b) benarkah ekspresi keilmuan mempunyai had atau batasnya sehingga mengongkong keintelektualan mahasiswa tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya, kebebasan akademik adalah satu kebebasan yang perlu disertai dengan tanggungjawab yang nyata. Ini kerana kebebasan akademik mempunyai nilai teras yang nyata iaitu mencari kebenaran dan menyatakan kebenaran. Kebenaran dalam konteks ini berlandaskan kajian dan penyelidikan saintifik dengan menekankan kepada hasilan yang objektif dan pengembangan budaya ilmu. Ia juga terikat dengan norma, etika dan budaya akademik. Dalam erti kata yang lain, kebebasan akademik amat tertakluk dengan prinsip bahawa setiap kebebasan itu datang bersama satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Ini amat konsisten dengan prinsip kebebasan hak asasi kerana kebebasan tanpa batas membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan kerana ia boleh mengancam kepentingan awam mahupun negara. Apatah lagi sebagai seorang ilmuan, ahli akademik mempunyai tanggungjawab yang berat kepada rakan kesepakaran, pelajar dan masyarakatnya. Pendek kata, setiap penghujahan perlu dipertanggungjawabkan dan dinilai implikasinya dan setiap tingkah laku akademik sentiasa diikuti dan diadili oleh *peers* atau komuniti kesepakaran nya. Begitupun, bagi ahli akademik yang berwibawa, kebebasan akademik masih terus berkembang segar menyelubungi kerjayanya, khususnya atas hasrat mumi memindahkan ilmu untuk kepentingan negara dan sejagat.

Kampus yang terus kekal sebagai entiti bebas daripada politik akan memerdekaan warga akademiknya daripada pengaruh dan batasan politik. Walau bagaimanapun, pada akhir-akhir ini, kebebasan akademik telah disalah guna, disalah erti, disalah tafsir dan lebih membimbangkan, ia menjadi modal politik jalanan sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Ada pula kerana kecenderungan aktivisme, sanggup menjadikan kebebasan akademik sebagai alasan untuk bergiat bebas walaupun ia bertentangan dengan norma dan etika untuk tidak memihak dalam setiap pendekatan ilmu.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD KUALA SELANGOR

KAWASAN

2.4.2012 (ISNIN)

TARIKH NO.

20

SOALAN

Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bagaimana DRB-Hicom pemilik utama Proton kini yang juga memiliki subsidiarinya mengatasi persoalan ‘conflict of interest’ dengan vendor-vendor pembuatan komponen dan pengedar Proton yang lain dan apakah langkah-langkah ‘transformasi’ serta seberapa segerakah pengumuman mampu dibuat untuk memaju dan mendayakan Proton sebagai kereta nasional yang boleh dibanggakan rakyat dan negara.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

PROTON mempunyai sistem penilaian vendor yang objektif serta telus dan bekerjasama erat dengan Persatuan Pembekal PROTON (PPP) untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan. Sistem ini diguna pakai untuk semua vendor-vendor PROTON termasuk vendor-vendor di mana PROTON sendiri mempunyai kepentingan. Oleh itu, isu “*conflict of interest*” selepas pemilikan oleh DRB-HICOM tidak timbul kerana vendor-vendor subsidiari DRB-HICOM juga tertakluk kepada sistem penilaian vendor yang sama.

Dari segi pengedaran kenderaan PROTON pula, peranan yang sama dilakukan oleh PROTON menerusi anak syarikatnya PROTON Edar bersama-sama dengan Persatuan Pengedar PROTON (PEDA). Malah, PROTON juga mempunyai cawangan-cawangan pengedarnya tersendiri yang dinilai mengikut sistem penilaian yang sama yang diguna pakai bagi menilai prestasi pengedar-pengedar lain.

Dari perspektif yang berbeza, situasi ini dilihat sebagai satu peluang untuk industri automotif negara mengukuhkan lagi struktur dan meningkatkan kecekapan vendor-vendor dan pengedar-pengedar kenderaan PROTON melalui satu pendekatan yang berlandaskan prestasi.

SOALAN NO: 21

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

**YB. DATUK HAJI YUSOFF BIN
HAJI MAHAL [LABUAN]**

TARIKH

ISNIN, 2 APRIL 2012

RUJUKAN

13 [PR-1251-L49095]

SOALAN

**Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan perincian agihan Geran Kementerian sebanyak RM5 juta yang telah diagihkan ke tiga Wilayah Persekutuan termasuk Labuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Labuan, tiada sebarang Geran Agihan sebanyak RM5 juta yang diagihkan kepada ketiga-tiga Wilayah seperti mana yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2012 sebanyak RM4.05 juta di bawah Peruntukan Pemberian Khas Wilayah Persekutuan (*Capitation Grant*) diagihkan kepada Wilayah Persekutuan Labuan dengan pecahan seperti berikut:-

BIL	BUTIRAN	WP LABUAN (RM)
1	Peruntukan Agensi (Perbadanan Labuan)	3,250,000.00
2	Peruntukan Projek Kecil	800,000.00
JUMLAH		4,050,000.00

Peruntukan ini bertujuan untuk melaksanakan projek-projek kecil kampung, kerja-kerja pengindahan dan menaik taraf landskap bandar serta peningkatan kemudahan infrastruktur pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan.

TEKS UCAPAN PENGGULUNGAN TITAH DI RAJA
(YB. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN)
TIMB. MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Kubang Kerian membangkitkan persoalan **kenapa Kerajaan mengambil risiko dengan menyenaraikan FGVH dalam Bursa Malaysia.** Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) yang dibantu oleh penasihat-penasihat profesional strategi dan penyenaraian telah pun membuat kajian yang teliti dan menyeluruh sebelum membuat keputusan untuk menyenaraikan FGVH. Keputusan dibuat berdasarkan penilaian ekonomi dan juga strategi bagi memastikan penyenaraian dapat memberi pulangan yang baik kepada pemegang saham FGVH dalam jangka masa panjang.

Kajian juga turut mengambil kira faktor positif dan negatif yang merangkumi prestasi yang lalu disamping peluang, prospek dan risiko perniagaan dalam industri yang bakal dihadapi FGVH di masa hadapan. Kajian yang dibuat telah merumuskan bahawa penyenaraian FGVH memberi peluang dan prospek yang kukuh

3.

Yang Berhormat Machang ingin tahu **mengenai kedudukan FGVH dengan pinjaman EPF untuk tujuan pelaburan.** Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2011, sebanyak RM1.85 billion telah dipinjamkan oleh KWSP kepada FGVH melalui FELDA dan sebanyak RM179.4 juta telah dilunaskan sehingga tempoh tersebut. Sehingga kini, FGVH tidak mempunyai sebarang tunggakan bayaran berkala yang sepatutnya dibayar kepada KWSP.

Malahan, FELDA mempunyai rekod yang amat cemerlang dalam pembayaran balik pinjaman. FELDA pernah meminjam sebanyak RM4.975 billion sebelum ini daripada Kerajaan, Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Tabung Kuwait dan Tabung Saudi. Kesemua pinjaman itu telah dibayar balik pada tahun 2000 iaitu 14 tahun lebih awal daripada jadual sepatutnya pada tahun 2013.

Yang Berhormat Machang juga ingin tahu **adakah FELDA telah melakukan capaian pasaran sebelum membuat keputusan dalam satu pelaburan.** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pelaburan yang telah dibuat oleh FGVH adalah mengikut garis panduan tatacara dan urus tadbir yang konsisten, sistematik dan menyeluruh. Penilaian dan analisa pelaburan dibuat melalui

Pada masa yang sama, FGVH juga telah mengukuhkan model perniagaannya dengan memeterai perjanjian sewaan secara jangka panjang melibatkan tanah seluas kira-kira 355,846 hektar dengan FELDA. Ini dapat memberi jaminan bekalan mentah kepada FGVH bagi mengembangkan perniagaan hilirannya dan juga membolehkan FGVH memantapkan tahap produktiviti dan kecekapan operasi huluannya. Dari segi faktor luaran, ‘trend’ menaik harga minyak sawit dan prospek masa depan yang memberansangkan bagi industri sawit, getah dan gula juga membantu dalam mengukuhkan prospek prestasi masa depan FGVH. Oleh itu, faktor-faktor yang disebutkan itu meletakkan FGVH di landasan yang kukuh untuk disenaraikan pada pertengahan tahun ini.

Yang Berhormat Machang mempersoalkan kononnya **YAB Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan dalam Mesyuarat YAB Perdana Menteri bersama Pengurusan FELDA, Bil.3/2011, tarikh 20 Jun 2011 “pastikan hakim diberi kefahaman dan pastikan FELDA menang”.** Sebenarnya itu bukan kenyataan YAB Perdana Menteri tetapi rumusan perbincangan mesyuarat yang memberi maksud bahawa semasa saksi-saksi yang memberi keterangan dalam Mahkamah, pihak

FELDA Kemahang 1, 2 dan 3 yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Kes-kes ini FELDA kalah, adalah berkenaan tuntutan wang tabung tanam semula oleh peneroka-peneroka yang tanam semula sendiri dan kadar perahan sawit (OER) disebabkan masalah teknikal.

Mengenai pertanyaan **Yang Berhormat Lenggong apakah perancangan Kerajaan berhubung dengan program perumahan untuk generasi kedua di Tanah Rancangan FELDA di Lenggong, Perak.** Sebenarnya pada masakini FELDA sedang merancang melaksanakan satu projek perumahan di setiap Wilayah di mana terdapatnya pembangunan FELDA. Untuk Wilayah Trolak akan dilaksanakan di Parlimen Lenggong di FELDA Lawin Utara. Dokumentasi dan lawatan tapak yang didapati sesuai seluas 20 ekar telah dikenalpasti. Secara umumnya sesuatu projek perumahan itu akan dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang ada, terdapat kekosongan tanah, permintaan dan yang mustahak juga adalah kelulusan daripada Kerajaan Negeri.

Kerajaan menyambut baik cadangan **Yang Berhormat Pengerang agar FELDA mewujudkan hospital, universiti yang Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti utama Kumpulan**

FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) adalah pengeluaran dan pemasaran minyak sawit dan produk-produk yang berasaskan minyak sawit. Produk-produk ini dijual kepada pihak ketiga di pasaran tempatan dan juga dieksport melalui cabang pemasaran Kumpulan FGVH iaitu FELDA Marketing Sdn Bhd dan juga melalui syarikat usahasama, FELDA -Iffco Sdn Bhd (FISB).

FISB adalah syarikat multinasional, usahasama 50:50 antara FGVH dan Kumpulan IFFCO, syarikat pemprosesan makanan yang berpusat di Sarjah, UAE. Aktiviti utama FISB adalah sebagai syarikat pegangan pelaburan yang terlibat di dalam perniagaan penapisan & pembungkusan minyak sawit dan produk yang berasaskan isirong sawit. FISB mempunyai kilang penapisan dan pembungkusan di Malaysia, China, Afrika, Turki, Indonesia, Amerika Syarikat dan juga pejabat-pejabat perdagangan di Perancis dan Sepanyol.

Kumpulan FELDA tidak pernah mengekspor sebarang produk ke Israel melalui mana-mana anak syarikatnya termasuklah FISB. IFFCO pula dimiliki oleh Kumpulan Allana, sebuah syarikat yang

dengan FELDA, adakah tanah-tanah peneroka FELDA Sahabat terlibat dengan penyenaraian FGVH dan bilakah peneroka FELDA Sahabat akan menerima geran hak milik tanah mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah yang terlibat dalam penyenaraian FGVH di Bursa Malaysia ialah tanah yang tidak menempatkan peneroka atau dengan kata lain tanah milik FELDA yang diuruskan oleh FELDA Plantation. Tanah milik peneroka iaitu kebun dan tapak rumah tidak akan disentuh walau sedikitpun. Tanah FELDA ini akan disewa dalam tempoh jangka panjang di antara FELDA dan FGVH. Sehubungan itu, adalah ditegaskan bahawa tanah-tanah milik peneroka di FELDA Sahabat dan seluruh Negara tidak akan terlibat dalam urusan penyenaraian FGVH di Bursa Malaysia.

Berhubungan dengan pertanyaan mengenai penerimaan geran tanah, FELDA memberi jaminan bahawa Suratan Hak Milik akan diserahkan kepada peneroka. Pada masakini, kerja-kerja mengukur lot individu bagi kawasan kediaman seluas 0.25 ekar dan kawasan kebun seluas 14 ekar telah siap dijalankan dan sedia dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. Permohonan hak milik bagi semua peneroka di FELDA Sahabat akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk syor diberi milik kepada peneroka

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) telah menyediakan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Wilayah Greater KL / Klang Valley bagi tempoh tahun 2010 hingga 2030. Ini untuk menjadikan pengangkutan awam darat sebagai mod pilihan rakyat dengan misi membangunkan sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang selamat, boleh diharap, efisien, responsif, mudah diakses, terancang, bersepadu dan mampu dibayar.

Terdapat enam (6) komponen utama pelan induk yang terdiri daripada:

- i. Pelan Pembangunan Rel Bandar
- ii. Pelan Transformasi Bas
- iii. Pelan Transformasi Teksi
- iv. Pelan Guna Tanah
- v. Pelan Pertukaran dan Penyepadan (Interchange and Integration Plan), dan
- vi. Pelan Pengurusan Permintaan Perjalanan (*Travel Demand Management*)

Bukit Beruntung dan Kuala Kubu Baru yang mana terminal-terminal ini dapat menampung permintaan sediaada. Namun

begitu, SPAD dari masa ke semasa akan mengkaji tentang keperluan untuk mewujudkan satu hub di Hulu Selangor yang bersepadu dengan pengangkutan awam yang lain seperti teksi dan keretapi. Mengenai perkhidmatan bas feeder ke stesen keretapi Hulu Selangor, kajian sudah dijalankan, namun didapati pengusaha bas kurang berminat kerana kurang menguntungkan.

Yang Berhormat Kota Melaka ingin mengetahui **kedudukan terkini projek trem di Melaka**. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kelulusan Bersyarat Skim Keretapi telah diluluskan oleh YAB Perdana Menteri. Kini dalam peringkat Pameran Awam selama 3 bulan bermula dari tarikh 16 Januari 2012 sehingga 16 April 2012. Setelah dibuat analisis tentang maklumbalas orang ramai, Kelulusan Skim Muktamad akan diperolehi daripada YAB Perdana Menteri.

Pertimbangan Teknikal yang melibatkan beberapa agensi Kerajaan seperti JKR, JPJ, MOT, JAS dan operator Keretapi yang lain telah dijalankan untuk menilai dan mengesyorkan keperluan pelaksanaan projek ini. Pelaksanaan projek ini adalah hasil perjanjian antara Kerajaan Negeri Melaka dengan Syarikat

-17-

mempunyai kelajuan 60 knot yang merupakan kelajuan tertinggi di laut. Penempatan bot-bot peronda yang baru dan lebih laju

ditempatkan di kawasan panas (*hot spot*) dan Pengerang adalah satu daripadanya. Selain itu, penempatan radar pengawasan laut di Bukit Pengerang turut mempertingkat keberkesanan operasi penguatkuasaan yang dijalankan.

Di bawah perancangan projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang bernilai RM60 bilion yang akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, APMM sememangnya turut merancang untuk meningkatkan kemudahan dan operasi di perairan Pengerang demi memastikan keselamatan dan keamanan terus terpelihara.

SOALAN NO:

22 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 2 APRIL 2012

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan kajian kesesuaian langkah-langkah serta peruntukan yang terdapat di dalam SOCSO disebabkan ianya telah terlalu lama dan tidak bersesuaian dengan kehendak semasa.

PR-1251-L48342

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 dipinda dari masa ke semasa mengikut keperluan. Untuk makluman YB, Akta AKSP 1969 telah dipinda sebanyak sembilan(9) kali di mana pindaan terakhir adalah pada tahun 2005. Di antara pindaan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut

- i. Meningkatkan had siling gaji pekerja bagi memperluaskan liputan pekerja di bawah Akta;
 - a) RM500 dan ke bawah bermula pada 01.10.1971
 - b) RM 1,000 dan ke bawah pada 01.01.1985
 - c) RM2.000 dan ke bawah pada 01.07.1992
 - d) RM3.000 dan ke bawah pada 01.05.2005
- ii Memperkenalkan Faedah Pencen Hat pada tahun 1974.
- iii. Memperkenalkan Faedah Pencen Penakat pada tahun 1985 yang melibatkan bayaran pencen seumur hidup kepada orang tanggungan.
- iv. Memperluaskan liputan Skim Insurans Bencana Pekerjaan pada tahun 1992 dengan menyediakan perlindungan bagi kemalangan semasa dalam perjalanan pergi/balik kerja, dalam waktu rehat yang dibenarkan dan perjalanan yang berkaitan dengan pekerjaan.
- v. Memendekkan tempoh syarat kelayakan caruman bagi tuntutan di bawah Skim Pencen Hat dari 36 bulan kepada 24 bulan pada tahun 1992.
- vi. Memperkenalkan Faedah Pinjaman Pendidikan pada tahun 1997 kepada anak penerima faedah berkala.
- vii. Peningkatan Faedah Pengurusan Mayat dari RM500 kepada RM1,000 (1985) dan RM 1,500 pada tahun 1998.
- viii. Menyediakan rawatan dialisis pada tahun 1999.

- ix. Membatalkan syarat kebergantungan bagi balu / duda dan meneruskan bayaran pencen bagi orang tanggungan yang berkahwin semula pada tahun 2005.
- x. Memperkenalkan Program Kembali Bekerja (RTW) pada tahun 2007.

Tuan Yang Di Pertua,

2. PERKESO sedang meneliti dan mengkaji peruntukan-peruntukan dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 dan Peraturan-Peraturan(Am) Keselamatan Sosial 1971 bagi diselaraskan dengan keperluan dan perkembangan semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI]

TARIKH 02 APRIL 2012

SOALAN

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan menaik taraf Hospital Sarikei kepada Hospital Pakar Sarikei dalam masa lima tahun akan datang. Nyatakan juga usaha-usaha yang telah dilakukan ke arah tersebut.

NO. SOALAN: 23

Tuan Yang di-Pertua

Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat termasuk akses kepada perkhidmatan kepakaran di seluruh negara, termasuk Hospital Sarikei. Sebagai contoh, di dalam tempoh RMKe-9 Kementerian Kesihatan telah membina Hospital Sarikei Baru bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kepakaran di hospital tersebut. Hospital ini merupakan pusat rujukan kesihatan yang dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur yang lebih moden dan terkini. Antara perkhidmatan yang

disediakan adalah Perubatan Am, Hemodialisis, Pembedahan Am, Anesthesia, Kecemasan & Trauma, Forensik, Pediatrik, Obstetrik & Ginekologi, Patologi & Tabung Darah, Rehabilitasi, Pengimejan Diagnostik, Dietetik & Sajian dan Klinik Pakar.

Penempatan pakar-pakar perubatan ke Hospital Sarikei akan dibuat secara berperingkat. Pakar Pediatrik dan Pakar Obstetrik & Ginekologi telah ditempatkan bermula April 2011 dan seorang Pakar Oftalmologi ditempatkan semenjak bulan Disember 2011. Penempatan Pakar Ortopedik akan bermula pada bulan Julai 2012.

Kementerian Kesihatan akan terus berusaha menambah bidang kepakaran yang disediakan di Hospital Sarikei dari semasa ke semasa mengikut kemampuan berpandukan kepada pelan perancangan perkhidmatan

Kementerian Kesihatan.

NO. SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

**TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT**

2 APRIL 2012 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan keperluan tenaga elektrik tahunan di Semenanjung Malaysia dan adakah

sumber-sumber tenaga sedia ada boleh menampung keperluan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga tahun 2011, permintaan puncak kapasiti elektrik berada pada paras 15,476 MW. Permintaan ini diunjurkan bertambah pada kadar 3-4% setahun di antara tahun 2012 sehingga tahun 2020 dan berkurangan kepada 2-3% setahun bagi tempoh 2020 - 2030. Dengan sumber tenaga yang sedia ada, permintaan elektrik dijangka dapat dipenuhi sehingga tahun 2014. Bermula dari tahun 2015 dan seterusnya, kapasiti penjanaan

baru adalah diperlukan untuk menampung permintaan bekalan yang semakin meningkat dan juga untuk menggantikan stesen jana kuasa yang lama dan tidak efisyen.

Sehubungan itu, Kerajaan telah merancang untuk membangunkan pelbagai sumber penjanaan bagi membolehkan permintaan bekalan elektrik dapat memenuhi permintaan. Antaranya ialah pembinaan 2 stesen jana kuasa arang batu dengan kapasiti terkumpul sebanyak 2,000MW serta pembangunan dua buah lagi stesen jana kuasa hidro dengan kapasiti terkumpul sebanyak 622MW. Di samping itu, pihak Suruhanjaya Tenaga juga sedang melaksanakan proses pembidaan tambahan bagi kapasiti tambahan sebanyak 4,500MW bagi stesen jana kuasa kitar padu gas.

Untuk jangka masa yang lebih panjang, sumber tenaga untuk pembekalan elektrik perlu dipelbagaikan untuk memastikan kecukupan dan keselamatan bekalan elektrik terjamin. Pihak Kementerian sedang mengkaji dan mempertimbangkan pelbagai opsyen termasuk penyaluran tenaga dari Sarawak, sumber tenaga nuklear serta pengimportan tenaga dari negara-negara jiran. Kerajaan juga berharap dengan adanya mekanisme *Feed-in Tariff*, dengan izin, akan dapat meningkatkan

keupayaan Tenaga Boleh Baharu dalam menghasilkan bekalan elektrik di Semenanjung.

Aj o' A C- ArV ; 2x

JJO-AUa-4-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH 2 APRIL 2012

RUJUKAN 4640

SOALAN

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kementerian menangani isu Malaysia yang dijadikan transit pemerdagangan manusia di mana beberapa insiden bot pancung dalam cubaan menyeludup karam dan berlaku tragedi kehilangan nyawa.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong yang telah mengemukakan pertanyaan.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian,

Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah dipinda bagi memasukkan kesalahan penyeludupan migran. Akta tersebut kini dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan pindaan telah berkuatkuasa pada 15 November 2012.

Pelbagai langkah telah diambil bagi menangani gejala penyeludupan migran ini. Kerajaan melalui agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kastam DiRaja Malaysia (KDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah mengambil langkah-langkah untuk peningkatan pemantauan di kawasan perairan seperti berikut:

Mempertingkatkan kehadiran dan pemantauan di semua “hot-spots” yang digunakan untuk penyeludupan manusia khususnya sepanjang pantai Barat Semenanjung dari Selatan Perak hingga timur Johor.

Mengumpul maklumat mengenai tekong laut dan tekong darat dan bertindak sebaik sahaja pengumpulan maklumat selesai.

Mewujudkan “*contact point*” dengan pihak berkuasa Australia bagi memudahkan perkongsian maklumat dan sumber risikan termasuk latihan.

Mewujudkan kerjasama antara agensi dengan Australia “*Border Protection Command*” dalam usaha membanteras kejadian penyeludupan manusia melalui Malaysia, Indonesia untuk ke Australia.

Memperkuuhkan kerjasama antara agensi di Malaysia seperti PDRM, Agensi Pengawal Maritim Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, TLDL, Jabatan

Laut, pihak berkuasa pelabuhan, kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan.

6. Mempertingkatkan lagi keperluan logistik agensi-agensi penguatkuasaan terlibat seperti kapal dan bot ronda dan juga peralatan bagi menambah keberkesanan dalam tugas ini.
7. Kerjasama daripada penduduk-penduduk yang berada berhampiran kawasan perairan dan sempadan negara juga dapat membantu dengan penyaluran maklumat terutama jika terdapat individu yang mencurigakan berada di kawasan tersebut. Ini adalah supaya tindakan awal dapat diambil untuk menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.
8. Memperkuuhkan kerjasama antara agensi penguatkuasaan di peringkat antarabangsa dan serantau untuk mewujudkan perkongsian dan pertukaran maklumat dan risikan.

Dalam memastikan usaha memerangi aktiviti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran berterusan, Kerajaan telah mengadakan kerjasama dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara luar dan

Sidang Dewan Yang Dihormati,

organisasi antarabangsa seperti Australia, Amerika Syarikat, Belanda, United Kingdom, China, Arab Saudi, International Organization for Migration (IOM) dan United Nations High Commissioner Refugees (UNHCR).

Di samping itu, Kerajaan juga telah bekerjasama dengan Kerajaan Australia melalui Mesyuarat Kumpulan Kerja Malaysia-Australia mengenai Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Manusia. Sehingga kini empat mesyuarat Kumpulan Kerja ini telah diadakan bagi membincangkan usaha-usaha dalam menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia yang melibatkan kedua - dua buah negara.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN NO. SOALAN: 26

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]

TARIKH 2 APRIL 2012

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah polisi di dalam Kementerian apabila menyewa tanah lapang yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, senaraikan semua tanah, tempohnya dan nama-nama individu, organisasi atau syarikat yang menyewa dan sewa untuk setiap bidang tanah tersebut di Wilayah Persekutuan termasuk tanah di bawah Lot 28261, Geran 70523, Mukim Setapak Kuala Lumpur di Prima Setapak. Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua tanah-tanah Kerajaan Persekutuan dipegang dan didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan(PTP). PTP adalah sebuah perbadanan yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan semua tanah Persekutuan berdasarkan Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957. Berhubung perkara ini, bidang kuasa Kementerian Kewangan hanyalah dalam penjualan tanah milik kerajaan persekutuan sahaja. Urusan penyewaan

JAWAPAN:

tanah kerajaan persekutuan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

2. Mengikut Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kerajaan telah menetapkan dasar seperti berikut:-
 - i. semua tanah-tanah Persekutuan yang belum dibangunkan boleh ditawarkan untuk disewakan kepada mana-mana individu, syarikat maupun organisasi;
 - ii. tanah yang belum dibangunkan bermaksud tanah kegunaan Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) yang masih tidak mempunyai cadangan pembangunan dalam tempoh 5 tahun dari RMK;
 - iii. tanah juga termasuk ruang bangunan (premis demis) boleh disewakan;

- iv. tempoh sewaan adalah tidak melebihi (3) tiga tahun (Seksyen 223 Kanun Tanah Negara 1965);
- v. tempoh sewaan boleh dilanjutkan tiga (3) tahun lagi sekiranya Kementerian/Jabatan Pengguna tidak mempunyai perancangan untuk membangunkan tanah tersebut;
- vi. nilaiang kadar sewa adalah berdasarkan nilaiang yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH);
- vii. penyewa tidak boleh membina binaan atau struktur kekal seperti bangunan;
- viii. tujuan penyewaan mestilah bersifat sementara atau tidak kekal seperti tanaman kontan, gerai makanan, tempat letak kenderaan.ruang pameran,tempat mencuci keretadan sebarang tujuan yang tidak bersifat kekal;
- ix. Kelulusan dan persetujuan dari KJP mestilah diperolehi sebelum sesuatu tanah itu diluluskan sewaan kepada pemohon yang berminat;
- x. Penyewaan ini boleh ditamatkan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) melalui notis 30 hari; dan
- xi. Penyewaan boleh ditamatkan apabila pihak Kerajaan bercadang untuk membangunkan tanah tersebut dengan projek awam.

Penyewaan tanah Persekutuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pada masa ini terdapat 79 penyewa yang menyewa tanah-tanah Persekutuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Berhubung dengan kedudukan tanah Lot 28261, Geran 70523, Mukim Setapak Kuala Lumpur di Prima Setapak, yang telah dikhaskan kegunaannya bagi maksud sekolah, PTP telah memberikan kelulusan secara dasar kepada Koperasi Gabungan Pemuda Kuala Lumpur Berhad untuk disewakan bagi tujuan tapak gerai perniagaan.

Walau bagaimanapun, kelulusan dasar ini adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang telah menetapkan “zonning” bagi sesuatu kawasan. Semua permohonan untuk menjalankan apa-apa aktiviti di atas sesuatu tanah di dalam kawasan Bandaraya walaupun di atas tanah Kerajaan Persekutuan mestilah bersesuaian dengan *Pelan Tempatan* yang telah diwartakan oleh DBKL.

Pada **27 Disember 2011**, DBKL telah memaklumkan kepada PTP bahawa permohonan Koperasi Gabungan Pemuda Kuala Lumpur Berhad untuk mendapatkan lesen menjalankan perniagaan di atas tanah berkenaan **telah ditolak**. Selaras dengan penolakan tersebut, PTP telah menarik balik kelulusan dasar penyewaan tanah berkenaan. Tanah tersebut akan ditawarkan kepada DBKL bagi membina Perpustakaan Awam (sementara), sehingga projek sekolah dilaksanakan.

NO.SOALAN: 27

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA ~~PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN
[LIPIS]~~

TARIKH 2 APRIL 2012

SOALAN:

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kenyataan Ahli Parlimen Permatang Pauh dalam akhbar The Wall Street Journal memberi gambaran seolah-olah Parlimen Malaysia turut menyokong akan pendiriannya selaku Ketua Pembangkang terhadap keselamatan negara Israel.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk maklum Yang Berhormat, isu berkaitan kenyataan Ahli Permatang Pauh dalam akhbar The Wall Street Journal ini telah kerap kali ditimbulkan. Ingin ditegaskan di sini bahawa kenyataan ini tidak mewakili pendirian Parlimen Malaysia atau pun Kerajaan Malaysia.

Malah suka ditegaskan di sini bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak sekali-kali mengizinkan perbuatan terkutuk dan tidak berperikemanusiaan Israel ke atas rakyat Palestin. Kerajaan Malaysia telah dan akan terus mengutuk tindakan ganas Israel ke atas Palestin kerana ianya akan menggagalkan proses damai dan pembentukan negara Palestin yang berdaulat dan merdeka.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 28

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
	(MARANG)
TARIKH	02.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATO* SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah wujud mekanisme pemantauan dan kajian secara berkala terhadap keberhasilan program J-QAF dan sekiranya wujud apakah hasil pelaksanaan program J-QAF ini secara menyeluruh.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan program j-QAF

Soalan No : 28

bertujuan untuk mempastikan murid sekolah rendah khatam al Quran, menguasai bacaan dan tulisan Jawi, menguasai asas bahasa Arab dan mampu menunaikan solat dengan sempurna. Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2005 sehingga sekarang.

Bagi melihat kemajuan, prestasi dan keberkesanan pelaksanaan Program j-QAF, KPM telah melaksanakan pemantauan secara berkala dan juga menjalankan kajian. Sehingga kini dua (2) kajian telah dijalankan oleh KPM bagi mendapat input pelaksanaan program j-QAF. Hasil pemantauan yang dilaksanakan menunjukkan prestasi murid yang melalui program j-QAF adalah memberansangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian keseluruhan murid yang mengikuti j-QAF dari tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti berikut

Aktiviti	2009			2010			2011		
	Jumlah	Menguasai	%	Jumlah	Menguasai	%	Jumlah Murid	Menguasai	%
Jawi	134247	120397	89.68	135386	124712	92.12	216662	196071	90.50
Al-Quran		121517	90.52		134168	99.10	216662	214406	98.96
Amali Wuduk		133664	99.57		135234	99.89	216662	215439	99.44
Amali Solat		128380	95.63		133171	98.36	216662	204277	94.28
Bahasa Arab	136664	110042	80.52	138214	117075	84.71	220858	192001	86.93

Rjm 66

NO. SOALAN:

29 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN

[KOTA BELUD]

TARIKH

2 APRIL 2012

SOALAN

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah spesifik seterusnya dari Petronas untuk meningkatkan daya saing dan keupayaan syarikat-syarikat dari Sabah dalam sektor minyak dan gas.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS telah mengadakan 3 klinik (*Labs*) yang telah dihadiri oleh lebih dari 250 peserta bagi menggalakkan penyertaan syarikat tempatan (*local vendors*) untuk menjadi syarikat berdaftar PETRONAS. Pendaftaran ini merupakan prasyarat bagi syarikat-syarikat tempatan untuk turut serta dalam aktiviti minyak dan gas, dan merupakan salah satu cara PETRONAS mewujudkan syarikat tempatan yang berkebolehan dan berdaya saing.

Pihak pengurusan PETRONAS telah membuat keputusan bagi tender di bawah nilai RM2 juta mestilah melalui bidaan kompetitif yang disertai oleh kontraktor tempatan sahaja. Peluang ini diharapkan dapat

membantu syarikat tempatan untuk meningkatkan kebolehan dan kemahiran untuk melakukan kontrak-kontrak yang lebih besar pada masa hadapan. Syarikat tempatan juga digalakkan untuk menjalankan usahasama dengan syarikat asing yang mempunyai kemahiran teknikal yang spesifik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

Lisan

**DARIPADA
KAWASAN**

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH

SEPUTEH

2.4.2012

NO. SOALAN

30

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pendirian Kementerian terhadap Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) yang akan ditandatangani oleh Malaysia yang membenarkan pelabur untuk mendakwa dan menuntut pampasan daripada Kerajaan di tribunal antarabangsa. Apakah Kementerian akan membentangkan TPPA untuk dibahas di Parlimen dan diumumkan kepada orang ramai sebelum Kerajaan menandatangani perjanjian tersebut.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Isu pelaburan masih dirundingkan dalam rundingan *Transpacific Partnership* (TPP) dan Kerajaan sedang membuat pertimbangan secara berhati-hati dalam perkara yang dibangkitkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, peruntukan dalam Perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Agreement* (FTA), dengan izin, yang membenarkan pelabur untuk mendakwa dan menuntut pampasan daripada Kerajaan di tribunal antarabangsa tidak seharusnya ditolak kerana banyak pelabur di Malaysia juga melabur di luar negara. Pelabur Malaysia ini juga memerlukan keyakinan bahawa pelaburan mereka terjamin dan mempunyai saluran untuk menuntut pampasan sekiranya pelaburan mereka terjejas akibat tindakan yang diambil oleh kerajaan negara di mana mereka melabur.

Tuan Yang Di Pertua,

Semua Perjanjian FTA akan dibincangkan dengan *stakeholders*, dengan izin, dan keputusan akhir dibuat oleh

Jemaah Menteri. Namun demikian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) ingin memaklumkan bahawa semua pendirian dalam rundingan diambil setelah mengadakan perbincangan dengan semua pihak iaitu Kementerian dan Agensi Kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan. Di samping itu, Kerajaan juga akan memberi penjelasan dari semasa ke semasa di Dewan Rakyat dan Dewan Negara semasa soal jawab dan perbahasan lain.

SOALAN NO.: 31

LISAN

**PEMBERITAHUAN
YB. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING KULAI
PERTANYAAN DEWAN
2 APRIL 2012 (ISNIN)
RAKYAT**

SOALAN:

YB. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING (KULAI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk projek-projek penaiktarafan dan membaik pulih jalan-

PERTANYAAN jalan di daerah Kulai Jaya, Johor dalam tahun
DARIPADA 2012 dan 2013. Senaraikan projek yang melebihi
KAWASAN kos RM500,000.

TARIKH

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perancangan, jabatan Kerja Raya (jKR) akan melaksanakan 5 projek menaik taraf jalan di daerah Kulaijaya, johor untuk tahun 2012 dan 2013, melibatkan anggaran kos projek keseluruhan sebanyak RM9.8 juta. Projek-projek tersebut iafah kerja-kerja menaik taraf dan penurapan bahu jalan di jalan Seelong sepanjang 10 kilometer dengan anggaran kos projek sebanyak RM2.5 juta; jalan Murni jaya sepanjang 6 kilometer (RM1.1 juta), dan di jalan Bukit Batu - Layang-Layang sepanjang 12 kilometer (RM2 juta). Manakala untuk tahun 2013 pula, jKR akan melaksanakan 2 projek penurapan bahu jalan, iaitu di jalan Murni jaya (RM1.2 juta) dan di jalan Gunung Pulai ((RM3 juta).

Di samping itu, Kementerian Kerja Raya juga telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta setiap tahun untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di jalan Persekutuan 1 (FT001) daerah Kulaijaya. Skop penyelenggaraan tersebut melibatkan kerja-kerja rutin seperti menampal lubang jalan (*potholes*), meratakan bahu jalan, memotong rumput, mencuci perabot jalan, mencuci pembetung dan jambatan, mencuci longkang dan pemeriksaan berjadual di sepanjang jalan terlibat. Penyelenggaraan rutin ini dilaksanakan oleh syarikat konsesi Selia Senggara Selatan Sdn. Bhd.. Dalam pada itu, jKR juga akan melaksanakan Projek Menaik Taraf jalan dari Felda Taib Andak ke

Felda

**PEMBERITAHILAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

Inas dengan nilai kontrak sebanyak RM23.5 juta. Projek di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KPLBW) itu dijangka akan dimulakan pembinaannya pada bulan Ogos 2012 dan siap dalam tempoh 12 bulan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.04.2012

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah faedah ketara yang telah/akan dinikmati oleh pemegang saham, terutama 'minority shareholders' Syarikat Penerbangan MAS, ekoran pembayaran iklan sebanyak RM18 juta kepada kelab QPR dan adakah ianya mematuhi amalan tadbiryang baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penajaan jersi pasukan Queens Park Rangers (QPR) oleh Malaysia Airlines System Bhd (MAS) adalah sebahagian daripada pelan perniagaan MAS untuk mempromosi dan mengukuhkan MAS sebagai syarikat penerbangan premium pilihan. Inisiatif ini merupakan platform publisiti yang baik kerana penyiaran lebih daripada 380 perlawanan *Barclays Premier League* setiap musim akan mempromosi MAS secara lebih meluas, dengan anggaran 3.51 juta orang penonton di serata dunia. Selain itu, penajaan ini juga merupakan inisiatif penjenamaan semula MAS yang dijangka akan dapat meningkatkan hasil syarikat dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan nilai saham MAS.

2. Penajaan dalam bidang sukan seperti ini bukanlah pertama kali dilaksanakan kerana sebelum ini MAS pernah menandatangani perjanjian penajaan penyiaran ESPN STAR Sports bagi kontrak 2 tahun penajaan siaran langsung *Barclays Premier League* siri 2005/2006 dan 2006/2007. Ini merupakan penglibatan MAS dalam program pembangunan masyarakat melalui sukan, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di negara-negara di mana MAS beroperasi.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH 2 APRIL 2012 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta PERDANA MENTERI

menyatakan apakah kelebihan penyertaan strategik institusi perbankan tempatan kelak dalam projek mega Pusat Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD) bernilai RM25.07 bilion yang akan dibangunkan 1 Malaysia Development Bhd. (1MDB).

JAWAPAN:

NO. SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

1. Visi KLIFD ialah untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hub kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya global.
2. Satu komponen penting bagi menjayakan inisiatif Greater KL, KLIFD dilihat bakal menjadi “magnet” untuk menarik nama-nama besar antarabangsa ke Kuala Lumpur merangkumi beberapa sektor seperti perkhidmatan, perbankan dan kewangan. Ini sekaligus akan mencetus aktiviti ekonomi baru dan membuka peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia dari setiap strata ekonomi.

3. Sepertimana yang dapat dilihat di Canary Wharf dan Singapura, KLIFD bukan sahaja akan dapat menikmati tenaga kerja mahir dan reputasi sebagai pusat kewangan yang lebih kukuh, malahan juga membawa lebih banyak pemindahan ilmu dan kepakaran, manakala interaksi sesama individu profesional akan menggalakkan inovasi.
4. “Clustering effect” yang datangnya dari operasi syarikat-syarikat institusi kewangan bertaraf dunia adalah faktor yang sangat penting dalam membina sebuah pusat kewangan yang pesat. Institusi- institusi bank tempatan akan dapat turut serta memainkan peranan di pasaran yang lebih besar, aktif dan mendalam.
5. Bank-bank tempatan juga akan berpeluang untuk mendapat manfaat daripada insentif-insentif sepertimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di dalam ucapan Bajet 2012, terutamanya insentif bagi syarikat berstatus KLIFD Marquee. Insentif ini membawa bersama elaun modal industri dan elaun modal dipercepatkan.
6. Dari peringkat pembinaan lagi, KLIFD akan membuka banyak peluang perniagaan dan pekerjaan untuk rakyat Malaysia, disamping mengembangkan kemahiran-kemahiran dalam cabang-cabang baru. Apabila ia beroperasi, pusat kewangan antarabangsa berimpak tinggi ini bermatlamat menarik 250 syarikat global terbaik dalam industri perkhidmatan kewangan antarabangsa.
7. Selain itu, satu universiti berasaskan perniagaan akan turut dibina bagi melengkapi KLIFD sebagai sebuah hub kewangan antarabangsa. Para pelajar di universiti ini akan dapat memanfaatkan hubungan

secara langsung yang sedia ada dengan lain-lain entiti kewangan bertaraf dunia yang terdapat di KLIFD, seterusnya menikmati kualiti pendidikan yang mantap dan *industry-ready*. Ini boleh meningkatkan lagi kualiti sumber tenaga manusia bagi industri kewangan tempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]

TARIKH 2 APRIL 2012

RUJUKAN 4506

SOALAN:

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dapatkah Kementerian membantu "reinforce" penguatkuasaan yang ada di Limbang ke atas perjudian siber di premis-premis di Limbang yang semakin menular.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Limbang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan senantiasa berusaha untuk menangani serta membendung permasalahan perjudian haram Cyber Cafe di dalam negara kita. Kerajaan melalui PDRM telah mengambil langkah-langkah seperti mengenai pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian Cyber Cafe dan menuduh mereka di bawah undang-undang yang berkaitan. Pihak PDRM juga sering mengadakan operasi-operasi dari masa ke semasa ke atas tempat-tempat yang telah di kenal pasti menjalankan Cyber Cafe perjudian. Selain daripada itu, pihak PDRM juga mempertingkatkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menguatkuasakan Enakmen Tempat-Tempat Hiburan Negeri-Negeri.

Bagi daerah Limbang, Sarawak pada tahun 2011 sebanyak 6 serbuan telah di lakukan ke atas premis Cyber Cafe yang disyaki menjalankan kegiatan mesin perjudian komputer dimana 6 orang telah ditangkap. Hasil siasatan sebanyak 18 buah mesin komputer perjudian telah dirampas dan semua kes masih dalam siasatan.

Pihak PDRM akan sentiasa menjalankan tugas dengan serius dan berusaha untuk mengesan cyber cafe haram yang wujud di negara kita. Langkah-langkah pencegahan bagi menangani masalah ini tidak boleh dipertanggungjawabkan keatas pihak berkuasa semata-mata. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada orang ramai adalah perlu bagi memastikan jenayah ini dari tidak berleluasa. Melalui

Tuan Yang di-Pertua,

pelaksanaan konsep '*Community Policing*' yang bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, pihak PDRM berharap program ini akan memberi peluang kepada masyarakat untuk menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah dengan memberi maklumat-maklumat kejadian jenayah di persekitaran kawasan komuniti. Dalam pada itu, program '*Rakan Cop*' telah memainkan peranan yang berkesan dalam tindakan polis berkaitan pencegahan jenayah, di mana orang awam boleh menghubungi polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang kejadian jenayah dengan menghantar SMS ke talian 32728 atau dengan panggilan ke talian Hotline 03-2115 9999 dan tindakan serta merta akan diselaraskan.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
	[BAGAN]
TARIKH	2 APRIL 2012
SOALAN	35

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sebab Lesen Kendalian Sementara (TOL) dikeluarkan kepada syarikat Australia Lynas Corporation tanpa menjelaskan pelan pembuangan dan penyimpanan sisa loji nadir bumi di Kuantan. Senaraikan juga kriteria-kriteria penilaian Jabatan Persekitaran (DOE) Pahang yang dipercayai memberi kelulusan "fast-track" kepada Lynas sebanyak RM1.318 bilion (direct capital investment).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Dakwaan YB Bagan bahawa syarikat Lynas tidak menjelaskan pelan pembuangan dan penyimpanan sisa projek LAMP adalah tidak benar. Perkara ini telah dinyatakan oleh syarikat Lynas dalam dua buah dokumen teknikal yang turut dipamerkan semasa rundingan awam pada 3 - 26 Januari 2012 iaitu:

- Radioactive Waste Management Plan bertarikh 31 Disember 2011;
- Safety Case for Radioactive Waste bertarikh 31 Disember 2011

Syarikat Lynas telah mengemukakan maklumat mengenai pengurusan dan penyimpanan sisa iaitu di kemudahan penstoran sementara atau *Residue Storage Facility* di kawasan tapak kilang. Ini telah memenuhi kehendak perundangan tempatan dan juga piawaian antarabangsa seperti mana yang ditetapkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Syarikat Lynas bercadang mengitar dan mengguna semula residu yang dihasilkan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk tujuan komersial. Sekiranya R&D tidak berjaya, residu ini akan dilupuskan di kemudahan pelupusan tetap. Dalam keadaan *worst-case scenario*, syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. telah mengemukakan *letter of undertaking* bersetuju membawa balik residu tersebut ke punca asal.

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Jabatan Alam Sekitar (JAS) merupakan pihak yang menilai dan meluluskan laporan kajian kesan alam sekitar (EIA) bagi sesuatu cadangan projek pembangunan yang tertakluk kepada keperluan EIA. Selaras dengan itu, pada 15 Februari 2008 JAS Negeri Pahang telah meluluskan laporan EIA bagi projek LAMP yang memenuhi kehendak Seksyen 34A (2), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Di samping itu, penilaian laporan EIA projek ini juga berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

- (i) Memenuhi piagam pemprosesan laporan EIA iaitu diproses dan diluluskan dalam tempoh lima (5) minggu;
- (ii) Kilang ini dikategorikan sebagai industri berat, maka ia sesuai

diletakkan dalam Kawasan Perindustrian Gebeng yang dizonkan sebagai industri berat dan mempunyai zon penampang yang mencukupi dengan penempatan terdekat;

- (iii) Kajian EIA meliputi kajian impak terhadap isu-isu kritikal projek di bawah bidang kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling yang tidak menyentuh mengenai impak radioaktif. Ia merangkumi kajian impak bukan radioaktif bagi kualiti udara, air, tanah, air tanah, analisa risiko, bunyi bising, sosio-ekonomi, trafik, pengangkutan dan pengurusan buangan (sisa pepejal dan buangan terjadual - tidak termasuk sisa radioaktif); dan
- (iv) Merumuskan bahawa ramalan impak kajian EIA daripada projek LAMP boleh dikurangkan dan dikawal dengan berkesan melalui pelaksanaan langkah-langkah kawalan seperti *technologically sound practice* dan *environmental best management practices*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
(REMBAU)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : 02.04.2012

Y.B. THAN KHJYUY JAMALUDOIN | REMBAJ] minta MEMTEftl KEWANGAN menyatakan jumlah dan pecahan pinjaman oleh Kerajaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan daripada **rakyat** melalui pelbagai skim sijil pelaburan yang telah dilancarkan dari 2006 hingga 2011. Apakah pula kadar pulangan bagi segala pinjaman ini dan juga jumlah pembayaran balik yang telah dilakukan.

JAWAPAN

Iuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Remfaau bersama Yang Berhormat Tanjong yang dijadual dijawab pada 10 April 2012 kerana keduanya menyentuh perkara yang sama.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2001 dana KWSP adalah berjumlah RM184.57 bilion dan jumlah ini telah mencatatkan pertumbuhan pesat dengan peningkatan sebanyak RM258.1 bilion (peningkatan 139.8%) kepada RM442.7 bilion pada tahun 2011. Daripada jumlah ini, sebanyak RM80.2 bilion adalah portfolio pinjaman (2001: RM12.9 bilion) kepada Kerajaan dan agensi Kerajaan. Setakat 29 Februari 2012, KWSP mempunyai pendedahan pinjaman kepada Kerajaan dan agensi

Kerajaan

3. Untuk makluman, pendedahan KWSP kepada institusi korporat pula adalah berjumlah RM13 billion setakat 31 Disember 2011.
4. Berdasarkan rekod semasa tempoh pinjaman KWSP kepada Kerajaan dan agensi Kerajaan adalah dalam lingkungan antara 4 hingga 20 tahun. Pendedahan pelaburan ini adalah dalam bentuk pinjaman berkadar tetap dengan sebahagian besarnya dijamin oleh Kerajaan.
5. Pelaburan KWSP kepada Kerajaan dan fasiliti-fasiliti yang mempunyai jaminan Kerajaan Persekutuan adalah berisiko rendah. Oleh yang demikian, kadar faedah yang dikenakan adalah berpandukan kepada kadar pulangan Sekuriti Kerajaan Malaysia sebagai penanda aras.
6. Rekod pinjaman KWSP juga menunjukkan kualiti aset portfolio pinjaman adalah memuaskan. Prestasi pembayaran balik Kerajaan serta agensi-agensi adalah baik dan mengikut jadual yang ditetapkan sepetimana yang termaktub dalam perjanjian pinjaman. Setakat ini, pendedahan pinjaman kepada Kerajaan mahupun agensi Kerajaan tidak pernah mengalami sebarang keingkaran pembayaran dan tiada pinjaman diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar atau "*Non-Performing Loan*" (NPL).

SOALAN NO: 37

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN PERMINTAHUAN
DARIPADA DATA RASHID BIN DIN (MERBOK) : 2
TARIKH APRIL 2012
SOALAN DATO' RASHID BIN DIN minta MENTERI PERTANIAN DA INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah jenis-jenis bantuan dan subsidi (perincikan) yang diberikan oleh Kementerian kepada penanam padi, dan apakah keberkesanan bantuan ini untuk membendung harga beras.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jenis-jenis bantuan dan subsidi yang diberikan oleh Kerajaan kepada petani yang mengusahakan tanaman padi adalah seperti berikut:

(a) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)

Kadar bantuan yang diberikan ialah 240kg per hektar bagi baja sebatian (12 beg @20kg per beg) dan 100kg per hektar urea (5 beg @20kg per beg).

(b) Insentif Pengeluaran Padi (IPP)

Bantuan baja tambahan pada kadar RM140 per ha setiap musim dan bantuan upah bajak pada kadar RM100 per ha setiap musim.

Bagi tahun 2012, input-input pertanian yang dibekalkan di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan dimasukkan di bawah insentif ini meliputi baja tambahan NPK dengan kadar RM400 per ha (6 beg @ 25kg per beg), bantuan

racun makhluk perosak dengan kadar bantuan sebanyak RM200 per ha setiap musim dan juga bantuan kapur dengan kadar RM970 per ha diberikan kepada petani bagi menambah kesuburan tanah.

(c) Insentif Benih Padi Sah (IBPS)

RM1.03 diberikan kepada pengeluar benih padi sah bagi setiap kilogram benih padi sah yang dikeluarkan.

(d) Skim Subsidi Harga Padi (SSHP)

Kadar bantuan ialah sebanyak RM248.10 bagi setiap metrik tan padi yang dihasilkan.

(e) Insentif Peningkatan Hasil (IPH)

Kadar insentif ialah sebanyak RM650 bagi setiap metrik tan kenaikan hasil padi sekurang-kurangnya 1 % daripada musim asas serta bonus RM650 sehektar bagi yang mencapai 10 tan metrik sehektar.

Pemberian bantuan subsidi kepada petani adalah untuk mengurangkan kos pengeluaran petani, meningkatkan hasil tanaman serta meningkatkan hasil pendapatan para petani.

SOALAN NO. 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PAD A YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)

TARIKH 2 APRIL 2012 (ISNIN)

SOALAN

YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah baucar sebanyak RM200 setiap satu yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk menolong rakyat membuat cermin mata di kawasan parlimen Beruas dan di seluruh negara untuk tahun 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan perkhidmatan dan bantuan kewangan kepada kumpulan sasar yang memerlukan yang terdiri daripada orang kurang upaya, warga emas dan keluarga yang tidak berkemampuan agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna.

Berikut keprihatinan pihak kerajaan, seramai 6,848 orang di seluruh negara telah menerima bantuan cermin mata pada tahun 2011, melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM 1,371,248.00. Bagi kawasan Parlimen Beruas khususnya, seramai 2,415 orang telah menerima bantuan cermin mata, melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM520,150.00.

NO SOALAN : 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN :

DARIPADA

**YB TUAN AMRAN BIN AB
GHANI (TANAH MERAH)**

TARIKH

**02.04.2012
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-

- (a) apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan dalam memberi kemudahan pencen kepada tentera yang telah berhenti setelah bertugas selama 10 hingga 19 tahun; dan**
- (b) apakahreaksi Kementerian berhubung dengan memorandum yang diserahkan oleh bekas tentera dan berapakah jumlah ahli-**

ahli pencen yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pemberian pencen kepada anggota yang berkhidmat kurang dari 21 tahun telah dikaji oleh Kementerian Pertahanan dan mendapati ianya tidak sesuai dilaksanakan dan di atas syarat-syarat perkhidmatan yang sedia termaktub dan mempunyai sebab-sebab demi kepentingan Angkatan Tentera sebagai satu angkatan yang ampuh dan bersiapsiaga secara berkekalan.

Suatu angkatan perlu mencorak pergerakan modal insan dari segi kemasukan dan syarat pemberhentian mengikut prinsip yang boleh menjanjikan kesiagaan yang berterusan demi memelihara keupayaan sesebuah Angkatan Tentera yang kredibel lagi kuat. Oleh yang demikian, pembangunan struktur termasuk modal insan ini memerlukan satu sistem kemasukan dan pemberhentian yang memenuhi dan memelihara kepentingan Angkatan Tentera dalam jangkasama panjang.

Di atas sebab-sebab tersebut, syarat-syarat perkhidmatan tentera telah menetapkan tempoh perkhidmatan bersamaan dengan faedah perkhidmatan yang sewajarnya. Oleh yang demikian, adalah menjadi dasar Angkatan Tentera Malaysia bahkan serupa dengan dasar Angkatan Tentera seluruh dunia di mana pemberian faedah perkhidmatan termasuk pencen mesti mengikut kesesuaian tempoh perkhidmatan yang

dipenuhi oleh seorang anggota tentera.

Syarat-syarat perkhidmatan yang terbukti keberkesanannya memerlukan prinsip membangunkan satu Angkatan Tentera yang baik lagi kuat dengan menetapkan faedah pencen diberi kepada mereka yang menamatkan perkhidmatan lebih 21 tahun.

Bagi anggota yang berkhidmat kurang daripada 21 tahun, penamatan perkhidmatan adalah di atas kehendak masing-masing. Ini bermaksud bahawa seseorang anggota tentera itu sendiri yang memilih untuk keluar (menamatkan perkhidmatan kurang dari 21 tahun) sedar dan mengetahui bahawa mereka hanya akan menikmati faedah pasca perkhidmatan yang merupakan ganjaran perkhidmatan (*gratuity*) yang dikira mengikut formula yang berlandaskan tempoh khidmat masing-masing.

Di samping itu juga, sekiranya mereka yang tidak berpencen mengalami kesukaran hidup, mereka boleh mendapatkan bantuan dari JHEV ATM seperti Faedah Perubatan Percuma, Skim Bantuan Kebajikan & Pendidikan termasuklah khidmat nasihat dalam Program melahirkan usahawan dan Program Pembangunan Peningkatan Usahawan dan Program. Kesemua bantuan ini tidak dinikmati oleh mereka yang tidak berpencen dalam Perkhidmatan Awam atau agensi-agensi Kerajaan yang lain.

SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan]
TARIKH	2 APRIL 2012

SOALAN Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah Kerajaan Persekutuan tidak menawarkan pekerjaan kepada graduan-graduan Sarjana Muda Pendidikan ataupun graduan-graduan Diploma dalam bidang fisioterapi dan kejururawatan dari universiti serta kolej swasta di sektor awam kerana graduan- graduan tersebut susah mendapatkan pekerjaan di sektor swasta.

JAWAPAN : (oleh YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui suratnya bertarikh 5 Ogos 2010 telah meminta supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak melantik calon- calon lepasan Diploma dalam bidang Separa Perubatan daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang bukan tajaan KKM. Ini adalah berikutan jumlah kekosongan sedia ada hanyalah bagi menampung keluaran pelatih tajaan KKM sahaja. Walau bagaimanapun, SPA akan melantik calon-calon berkenaan sekiranya terdapat permintaan pengisian jawatan daripada KKM dari semasa ke semasa.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **DATUK HAJI ABDUL** **WAHAB BIN HAJI**
 DOLAH [IGAN]

TARIKH **2 APRIL 2012 (ISNIN)**

SOALAN NO. 41

Datuk Haji Abdul Wahab Bin Haji Dolah [Igan] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa program sukan bagi golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) masih tidak mendapat publisiti yang meluas berbanding sukan berprestasi tinggi bagi atlet normal. Apakah langkah Kementerian dalam membantu program sukan OKU ini.

JAWAPAN

1. Kementerian berpandangan bahawa pihak media cetak serta media elektronik sentiasa menyokong sukan OKU apabila memberikan liputan berita mengenai kontinjen OKU negara yang mengambil bahagian dalam temasya sukan di peringkat ASEAN, Komanwel, Asia dan Olimpik serta kejohanan-kejohanan individu yang disertai. Selain itu, dalam usaha untuk mempromosi sukan prestasi tinggi bagi atlet orang kelainan upaya (OKU), saluran media sukan tempatan pertama negara iaitu Astro Arena telah melantik P. Mariappan daripada sukan *Powerlifting* sebagai Duta Astro Arena sejak bulan Mac 2010.
2. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian dalam memajukan sukan OKU adalah:
 - 2.1 menubuhkan 15 Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya Negeri (PESRON) di setiap Negeri bermula pada tahun 2009. Selain PESRON, Majlis Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya Malaysia (MASROM) juga ditubuhkan pada tahun 2011 untuk meningkatkan lagi pembangunan Sukan OKU di Peringkat Kebangsaan;
 - 2.2 menyediakan kompleks sukan yang mesra OKU di mana Kementerian telah membina Kompleks Sukan OKU di Kampung Pandan bernilai 39 juta ringgit dan dijangka siap pada Mei 2012; dan

melaksanakan program-program pembangunan sukan OKU di mana sepanjang tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 305 program dengan jumlah penyertaan seramai 29,700 orang telah mendapat manfaat. Manakala jumlah peruntukan kewangan sepanjang tempoh tersebut adalah berjumlah RM4,662,400.00.

NO SOALAN :28

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARI PADA **Y.B. TUAN HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT**
(KUALA TERENGGANU)

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH **02.04.2012**

Y.B. TUAN HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah kos pembinaan Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu (LTSM) sebanyak RM882.17 juta akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membayar balik perbelanjaan Projek Naik Taraf Lapangan Terbang Sultan Mahmud Terengganu bagi Paket 1, 2 dan 3 berjumlah RM400 juta. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Terengganu pada dasarnya telah bersetuju supaya bayaran balik tersebut dibuat secara berperingkat. Bayaran balik pertama akan dibuat pada tahun 2013.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 02.04.2012

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a) Mengapakah Kerajaan membenarkan Syarikat DRB-Hicom untuk mengambil alih PROTON; dan
- b) Apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan kereta Proton dapat bersaing dengan jenama kereta lain di dalam dan luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelupusan saham pegangan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dalam PROTON kepada DRB-Hicom Bhd (DRB-Hicom) dibuat setelah pertimbangan dan penilaian yang bersepadau serta terperinci dilakukan ke atas kesemua cadangan termasuk cadangan DRB-Hicom.

2. Asas utama pemilihan pemilik baru PROTON adalah berdasarkan harga dan strategi bagi memajukan PROTON. Dalam menilai cadangan pembelian yang diterima oleh Khazanah sebagai pemegang saham PROTON, DRB-Hicom telah

mengemukakan harga yang boleh diterima iaitu RM5.50 bagi setiap saham dan disokong oleh bukti sumber dana untuk membiayainya. Selain itu, DRB-Hicom juga telah mengemukakan strategi yang selaras dengan Dasar Automotif Nasional (NAP) bagi memajukan syarikat automotif tersebut dan seterusnya menyumbang dalam membangunkan sektor automotif negara.

3. Bagi memastikan kereta PROTON dapat bersaing dengan jenama kereta lain di dalam dan luar negara, Kerajaan melalui NAP telah menggariskan usaha-usaha untuk meningkatkan daya saing industri automotif negara, di antaranya memastikan pembangunan industri automotif tempatan yang terancang dan tersusun serta meningkatkan keupayaan dan daya saing industri dalam jangka panjang, termasuk bagi PROTON untuk terus mengekalkan dan meningkatkan tahap persaingan kenderaan tempatan. Kerajaan juga akan terus menyediakan pakej geran dan insentif yang komprehensif seperti Dana Pembangunan Automotif (ADF), Dana Penyelarasian Industri (IAF) dan Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Modenisasi (SLSAM).
4. Di samping itu, Kerajaan akan meneruskan usaha sama strategik dengan rakan dagang utama di bawah perjanjian perdagangan bebas (FTA) seperti yang telah dilaksanakan sebelum ini melalui Malaysia-Japan *Economic Partnership Agreement* (MJEPA) iaitu Malaysia-Japan *Automotive Cooperation Programme* (MAJAICO), yang merupakan sebuah program bina upaya bagi industri automotif tempatan.
5. Selain itu, di bawah kajian semula NAP yang sedang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada masa ini, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan tahap kualiti dan daya saing produk automotif tempatan, termasuk PROTON. Oleh itu, langkah-langkah baru untuk membantu meningkatkan sistem pengurusan kualiti, operasi, perniagaan serta keupayaan syarikat untuk mengurangkan kos pengeluaran, di samping meningkatkan produktiviti dan kualiti akan dilaksanakan.
6. Pelbagai insentif yang lebih komprehensif turut dicadangkan di bawah kajian

semula ini, termasuk bagi pengeluar-pengeluar komponen dan alat ganti bagi meningkatkan daya saing mereka supaya secara langsung akan meningkatkan daya saing syarikat pengeluar atau pemasang kenderaan tempatan, termasuk PROTON.

7. Kerajaan juga akan memastikan DRB-HICOM untuk meneruskan kesinambungan PROTON sebagai projek kereta nasional melalui pewujudan nilai tambah, di samping memacu dan mempercepatkan pelan transformasi PROTON termasuk proses rasionalisasi dan sinergi seperti pembangunan pengeluar komponen dan alat ganti, pengedar, logistik dan sebagainya untuk meningkatkan daya saing global PROTON.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATUK CHUA SOON BUI

[TAWAU]

TARIKH JAWAPAN : 2 APRIL 2012 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta M ENTER I TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:-

- (a) apakah tahap kemajuan Projek Empangan Tawau dan adakah projek ini dijangka siap dibina mengikut jadual dengan menggunakan peruntukan yang diluluskan; dan
- (b) apakah pelan-pelan tindakan segera yang diambil Kementerian untuk menyelesaikan masalah-masalah gangguan bekalan air yang berterusan memandangkan Jabatan Air Sabah telah menyatakan bahawa masalah-

NO. SOALAN : 44

masalah hanya dapat diselesaikan dengan penyempurnaan projek empangan tersebut sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam *Rolling Plan* Pertama dan Kedua (RPI dan RP2) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Projek Skim Bekalan Air Tawau Fasa III - Reka Bentuk dan Pembinaan Empangan Air dengan kos berjumlah RM220 juta. Cadangan Projek ini akan melibatkan pembinaan empangan air berhampiran Kampung Cinta Mata dan pemasangan paip air mentah utama ke Loji Rawatan Air Cinta Mata dan ke Loji Rawatan Air Jalan Utara. Pembinaan empangan ini dapat membekalkan air dengan kapasiti berjumlah 30,000 liter sehari. Dengan adanya empangan ini kelak, masalah seperti gangguan bekalan air disebabkan muka sauk tersumbat semasa hujan lebat atau ketika musim banjir dan juga masalah paras air disebabkan sungai yang cetek ketika musim kemarau akan dapat ditangani.

Tuan Yang Dipertua,

Di peringkat awal ini, peruntukan sebanyak RM30 juta telah disediakan. Sehingga akhir Februari 2012, projek ini adalah di peringkat reka bentuk terperinci dan penyediaan dokumen tender projek. Mengikut perancangan

Kerajaan Negeri Sabah, projek ini akan ditender pada awal bulan Februari 2013 dan pembinaan projek dijangka dapat dimulakan pada bulan Jun 2013 bagi tempoh tiga tahun.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri dan Jabatan Air Sabah telah mengambil beberapa tindakan bagi mengatasi masalah bekalan air di Tawau. Antara tindakan yang diambil ialah dengan melaksanakan program menaik taraf dan penambahan kapasiti pengeluaran air terawat Loji Rawatan Air Cinta Mata dari 65 juta liter sehari ke 90 juta liter sehari dan kerja-kerja penggantian pam-pam uzur di Loji Rawatan Air Jalan Utara. Di samping itu, Syarikat Timatch Sdn. Bhd. melalui obligasi perjanjian konsesinya telah memulakan projek '*Refurbishment and Rehabilitation of Utara WTP*' pada Oktober 2010 dan dijangka siap pada Jun 2012.

Selain itu, di bawah RMKe-9, Projek Pengurangan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil Fasa 1 telahpun siap pada Jun 2009. Sebanyak 19 juta liter sehari dapat diselamatkan daripada hilang dengan pengujudan 44 *District*

Meter Zone (DMZ). Manakala Projek Pengurangan Kehilangan Air Tidak Berhasil Fasa II telah dapat mengelakkan kehilangan air sebanyak 21.4 juta liter sehari dengan penambahan 32 DMZ yang baru pada penghujung tahun 2010. DMZ ini dapat membantu pengawalan dan pemantauan kebocoran secara berterusan terutama bagi gangguan disebabkan oleh kebocoran dan paip pecah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

(AMPANG)

TARIKH 2 APRIL 2012 (ISNIN)

SOALAN

SOALAN NO. 45

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan bagaimana Kementerian dapat membantu golongan wanita suri rumah bagi menyara hidup keluarga dalam situasi ekonomi yang lemah serta inflasi yang tinggi ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) prihatin terhadap situasi yang dihadapi oleh golongan wanita dan keluarga mereka dalam suasana ekonomi yang serba mencabar. Justeru, Kementerian telah mengambil beberapa inisiatif menerusi agensi-agensi di bawahnya bagi meningkatkan taraf hidup golongan wanita termasuk, suri rumah. Antaranya ialah:

1. Melahirkan 4,000 orang usahawan wanita menjelang 31 Disember 2012 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH). Hingga bulan Februari 2012, seramai 3,180 orang usahawan wanita yang dilatih telah berjaya mencapai pendapatan sekurang-kurangnya RM3,500 selama 3 bulan berturut-turut. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Menyalurkan bantuan kewangan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada golongan yang memerlukan. Antara bantuan yang diberikan

ialah:

a) Bantuan Kanak-kanak

Bantuan Kanak-kanak (BKK) merupakan bantuan bulanan yang dipertimbangkan untuk tujuan penyaraan kanak-kanak bagi memastikan keperluan dan persekolahan mereka tidak terjejas. Bantuan ini dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan daif dengan kadar antara RM100 hingga maksimum RM450 sekeluarga sebulan. Hingga bulan Disember 2011, seramai 43,186 orang wanita dari kalangan ibu tunggal telah menerima bantuan ini, melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM118.2 juta.

b) Bantuan Am

Bantuan Am (BA) merupakan bantuan bulanan yang dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan daif untuk jangka masa pendek sebelum mereka diberi peluang menyertai program lain supaya dapat hidup berdikari. Kadar bantuan yang diberikan adalah berbeza mengikut negeri. Sebagai contoh, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan kadarnya adalah antara RM80 hingga

RM350 sekeluarga sebulan. Hingga bulan Disember 2011, seramai 16,566 orang wanita dari kalangan ibu tunggal telah menerima bantuan ini, melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM28.4 juta.

Bantuan Geran Pelancaran

Bantuan Geran Pelancaran (GP) merupakan bantuan sekaligus yang dipertimbangkan kepada klien JKM dari kalangan keluarga miskin bagi membantu mereka lebih produktif dengan menceburi aktiviti ekonomi yang berupaya menjana pendapatan. Kadar maksimum geran pelancaran ialah RM2,700. Hingga bulan Disember 2011, seramai 92 orang ibu tunggal telah menerima bantuan ini, melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM198.410.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' ABD KHALID
BIN IBRAHIM (BANDAR TUN RAZAK)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.04.2012

Y.B. TAN SRI DATO' ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Malaysia mengalami defisit perbelanjaan sejak 1998 dan telah dikategorikan sebagai "negara yang termasuk dalam perangkap pendapatan pertengahan". Apakah rancangan yang diambil untuk mengurangkan hutang dan berapakah sasaran pengurangan hutang Negara dalam tempoh sebelum Parlimen penggal ini dibubarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM456.1 bilion atau 53.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM438.0 bilion atau 96.0 peratus

daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM18.1 bilion atau 4.0 peratus merupakan hutang luar negeri. Jumlah hutang luar negeri yang rendah adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang mengutamakan pinjaman dalam negeri yang mempunyai kecairan yang tinggi, kospinjaman yang lebih murah serta dapat meminimumkan risiko pertukaran matawang asing.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan hutang Kerajaan Persekutuan ialah:

- (i) Memastikan jumlah hasil Negara lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus, dan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Peningkatan hasil diperoleh melalui perkembangan aktiviti ekonomi serta peningkatan dalam pematuhan, penguatkuasaan dan pentadbiran cukai;
- (ii) Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mengelakkan pembaziran. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan member pulangan kepada Negara dalam tempoh jangka masa

panjang;

- (iii) Memperbanyakkan program perkongsian awam-swasta(public-private partnership) terutamanya bagi projek-projek berimpak tinggi seperti projek jalur lebar berkelajuan tinggi, koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pembangunan awam bagi menambahbaik kedudukan fiscal tanpa menjelaskan matlamat pertumbuhan dan pembangunan yang menyeluruh;
- (iv) Melaksanakan sistem pemantauan hutang yang komprehensif dengan pihak berkuasa memantau rapi paras dan struktur hutang serta obligasi melunaskan hutang secara keseluruhannya; dan
- (v) Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan sentiasa mengamalkan pengurusan hutang yang berhemat bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan terkawal serta diuruskan dengan cekap dan berkesan. Kerajaan komited untuk memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus

dirancang.dipantau dan dikawal dengan baik dan bertanggungjawab. Konsolidasi fiskal bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan mengurangkan keperluan pinjaman Kerajaan Persekutuan.

Soalan No : 4^A

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN**
(BANDAR KUCHING)

TARIKH **02.04.2012**

SOALAN:

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa guru sandaran, guru gantian, guru interim dan khususnya guru sambilan harian tidak diberi gaji dan kebajikan yang setaraf guru biasa sedangkan mereka juga menyumbang kepada bidang pendidikan di negara kita

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) atau Guru Interim adalah untuk **mengisi kekosongan jawatan sementara** guru tetap yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Manakala guru ganti pula dilantik oleh pihak sekolah dengan kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) bagi menggantikan guru tetap yang cuti bersalin, kursus jangka panjang dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gaji dan kemudahan bagi lantikan GSTT atau Guru Interim diberi berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bil. 1/2007, manakala bayaran gaji dan kemudahan bagi Guru

Ganti adalah berdasarkan Pekeliling Pekerja Sambilan Harian Bil. 3/2011. Perlu ditegaskan bahawa bayaran gaji kumpulan ini memang berbeza dengan guru lantikan tetap kerana mereka tidak memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebagai kakitangan tetap perkhidmatan awam.

Rjm 67

49/48

SOALAN

NO. PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

: LISAN

TARIKH 2 APRIL 2012

DARIPADA DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
[KAPIT]

SOALAN :

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta PERDANA MENTERI

menyatakan status pelaksanaan kesemua projek yang telah diumumkan lulus semasa lawatan YAB Perdana Menteri ke Kapit pada April 2011. Nama projek-projek tersebut adalah seperti Jalan raya menghubungi pekan Kapit/ Song/ Temalat/ Ngemah/ Kanowit/ Sibu, pembinaan/naik taraf paip induk bekalan air di pekan Kapit, dermaga untuk perahu panjang, pembinaan Dewan Masyarakat Kampung Muhibbah Blereh, Kapit dan pembinaan Chinese Funeral Parlour, Kapit.

JAWAPAN:

Semasa lawatan YAB Perdana Menteri ke Kapit, Sarawak pada 14 April 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan kelulusan sebanyak 6 projek berjumlah RM132.39 juta. Ringkasan status pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

Bil	Nama Projek	Peruntukan (RM Juta)	Status Pelaksanaan	Catatan
1.	Bina Jalan Hubungan Kapit - Song (Fasa 2)	90.00	Dalam Pelaksanaan	Mula : 1 Februari 2012 Jangka Siap : 31.1. 2013 Pelaksanaan : 1 %
2.	Membina Balairaya Kg Muhibbah, Kapit	2.00	Belum Mula	Jabatan Tanah & Survei Sarawak dalam proses untuk memberikan kelulusan pelan kepada KKLW.
3.	Menukar paip bekalan air di Jin Selirik, Kapit	6.39	Belum Mula	Mula : 2.4.2012 Jangka Siap : 1.12.2012
4.	Pembinaan Jeti Pendaratan Bot Panjang Kapit Skop Kerja : pembinaan 'ramp' /Pembinaan kemudahan lain seperti pondok rehat/tandas awam/tempat menyimpan enjin bot	5.00	Belum Mula	JKR Sarawak dalam proses mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada kontraktor yang berjaya. Projek dijangka bermula dalam minggu pertama April 2012.
5.	<i>Kapit Water Supply Extension - Construction and Completion of 12 MLD Water Treatment Plant and Associated Work, Kapit Division</i>	28.00	Dalam Pelaksanaan	Mula : 26.5.2010 Jangka Siap : September 2012 Pelaksanaan : 42.12%
6.	Sumbangan untuk Chinese Funeral Parlour, Kapit	1.00	Dalam Pelaksanaan (Fizikal: 60%)	Cek sumbangan telah dikeluarkan kepada pemohon pada 11.5.2011.
	Jumlah Keseluruhan	132.39		

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN

**YB. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
JERAI**

DARIPADA

2 APRIL 2012 (ISNIN)

KAWASAN

TARIKH

SOALAN:

YB. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah Kementerian bersedia mengambil tindakan terhadap aduan-aduan berkaitan struktur binaan dan reka bentuk jalan raya Gurun-Jeniang yang menyusahkan penduduk dan pengguna jalan raya tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek membina dan menaik taraf Jalan Lingkaran Alor Setar -Tasek Pedu - Gurun: Dari Pekan Gurun ke Pekan Sik, Kedah sepanjang 41 kilometer telah mula dibina pada bulan Disember 2003 dan siap pada bulan Julai 2008. Skop projek ini ialah menaik taraf Jalan Persekutuan FT175 sedia ada dari dua lorong dua hala kepada empat lorong dua hala dari Gurun ke Jeniang sepanjang 35 kilometer. Manakala dari Jeniang ke Sik sepanjang 6 kilometer pula dikekalkan kepada dua lorong dua hala tetapi dinaikkan taraf kepada piawaian JKR R5.

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai aduan pengguna mengenai kualiti pembinaan projek tersebut. Oleh itu, kementerian ini menerusi Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengenai pasti beberapa kecacatan projek berkenaan yang memerlukan kerja-kerja pembaikan, seperti keretakan permukaan jalan di beberapa bahagian jajaran tertentu dan kerenggangan pada sendi jambatan (*bridge joint*). Sehubungan itu, JKR telah menangguhkan pengeluaran sijil siap membaiki kecacatan projek itu sehingga pihak kontraktor terbabit siap melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecacatan projek sebagaimana yang disyorkan oleh JKR dalam Laporan Ketidakpatuhan (*Non Conformance Report-NCR*).

Berdasarkan perancangan kerja-kerja membaiki kecacatan projek itu dijangka akan siap selewat-lewatnya pada pertengahan tahun ini. Namun demikian, JKR akan melantik pihak ketiga untuk melaksanakan projek ini jika kontraktor asal itu gagal melaksanakan kerja-kerja pembaikan di mana wang jaminan projek akan dirampas dan kontraktor bakal disenaraihitamkan dari mengambil bahagian dalam melaksanakan tender projek-projek Kerajaan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 50

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]
TARIKH 02.04.2012 (ISNIN)**

TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan dasar Kerajaan di mana semua pengusaha tiga barang kawalan, yakni tepung, gula dan minyak masak, di wajib memaparkan logo 1 Malaysia pada pakej produk-produk yang dijual jika mereka mahu terus menikmati subsidi Kerajaan. Bukankah ini satu perlakuan peras-ugut berbaur politik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pemaparan logo 1 Malaysia bertujuan memberi kesedaran kepada pengguna mengenai barang bersubsidi supaya tidak disalahgunakan untuk tujuan keuntungan dan ia juga merupakan salah satu cara untuk Kerajaan memaklumkan rakyat bahawa Kerajaan memberi subsidi ke atas barang tertentu.

Pelaksanaan pemaparan logo 1 Malaysia ke atas barang kawalan dibuat setelah Kementerian mengadakan perbincangan dan mendapat persetujuan dengan pihak pengilang barang kawalan. Oleh itu, dakwaan bahawa Kerajaan memaksa pengilang melaksanakan pemaparan logo 1 Malaysia adalah tidak benar. Pelaksanaan pemaparan logo 1 Malaysia ke atas barang kawalan merupakan hasil persetujuan bersama Kerajaan dan pihak pengilang. Pada masa yang sama, pengilang telah bersetuju melaksanakan inisiatif ini bagi membantu Kerajaan menyampaikan maklumat berkaitan subsidi dan melaksanakannya sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat mereka.

NO SOALAN :

5\$ PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN :

**YB TUAN LOKE SIEW
FOOK (RASAH)**

02.04.2012

(ISNIN)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah isteri kepada anggota tentera yang telah menukar status daripada pengundi awam kepada pengundi tidak hadir mengikut pecahan setiap kawasan Parlimen.

JAWAPAN:**Tuan Yang di-Pertua,**

Jumlah pasangan (suami/isteri) kepada anggota tentera yang telah mendaftar sebagai pengundi tidak hadir mengikut pecahan setiap kawasan Parlimen sehingga Dis 2011 adalah seramai 39,114 orang. Keperincian ini dapat diakses melalui paparan SPR kerana jumlahnya berubah mengikut pendaftaran yang dibuat.

Statistik mengikut kawasan parlimen adalah seperti berikut:

	 »
JOHOR	BATU PAHAT	2
	GELANG PATAH	16
	JOHOR BAHRU	491
	KLUANG	1980
	MERSING	639
	MUAR	10
	PASIR GUDANG	389
	PENGERANG	211
	SRI GADING	14
	TENGGARA	365
JUMLAH JOHOR		4117
KEDAH	JERAI	14
	KUBANG PASU	373
	LANGKAWI	126
	MERBOK	1586
	POKOK SENA	635
JUMLAH KEDAH		2734

Negeri	Parlimen	
KELANTAN	JELI	669
	KETEREH	459
	MACHANG	26
	PENGKALAN CHEPA	417
	RANTAU PANJANG	19
JUMLAH KELANTAN		■MBBWBBHMBB
MELAKA	ALOR GAJAH	2
	BUKIT KATIL	49
	MASJID TANAH	87
	TANGGA BATU	2856
JUMLAH MELAKA		
NEGERI SEMBILAN	RASAH	590
	REMBAU	202
	SEREMBAN	143
	TAMPIN	1185
	TELOK KEMANG	1752
JUMLAH NEGERI SEMBILAN		3872
PAHANG	BENTONG	181
	INDERA MAHKOTA	477
	JERANTUT	8
	KUANTAN	79
	LIPIS	189
	PEKAN	1745
	RAUB	7
	ROMPIN	70
	TEMERLOH	705
JUMLAH PAHANG		3461
PERAK	BATU GAJAH	48
	GERIK	681
	GOPENG	180
	IPOH BARAT	143
	IPOH TIMOR	689
	LUMUT	3354
	PARIT	25
	TAIPING	1307
	TANJONG MALIM	10
	TAPAH	150
JUMLAH PERAK		6587

Negeri		
PERLIS	ARAU	24
	PADANG BESAR	465
JUMLAH PERLIS		MB—a—
PULAU PINANG	BAYAN BARU	724
	BUKIT BENDERA	177
	BUKIT GELUGOR	5
	TANJONG	27
	TASEK GELUGOR	451
JUMLAH PULAU PINANG		1384
SABAH	BATU SAPI	168
	KALABAカン	282
	KOTA BELUD	22
	KOTA KINABALU	61
	LIBARAN	140
	PENAMPANG	11
	PUTATAN	890
	SANDAKAN	4
	SEMPORNA	123
	SEPANGGAR	412
	TAWAU	24
JUMLAH SABAH		2137
SARAWAK	BANDAR KUCHING	335
	KAPIT	1
	KOTA SAMARAHAN	1171
	MIRI	>88
	PETRA JAYA	4
	SANTUBONG	11
	SIBU	80*
	SRI AMAN	250
	STAMPIN	792
JUMLAH SARAWAK		3664

Negeri	Parlimen	Jumlah
SELANGOR	GOMBAK	15
	HULU SELANGOR	59
	KLANG	94
	KUALA LANGAT	137
	PUCHONG	45
	SABAK BERNAM	5
	SELAYANG	67
	SERDANG	13
	SHAH ALAM	27
	SUBANG	558
JUMLAH SELANGOR		1020
TERENGGANU	BESUT	332
	DUNGUN	9
	KEMAMAN	6
	KUALA NERUS	234
	KUALA TERENGGANU	16
	MARANG	33
JUMLAH TERENGGANU		630
W.P KUALA LUMPUR	BANDAR TUN RAZAK	730
	BATU	377
	BUKIT BINTANG	356
	LEM BAH PANTAI	17
	SEGAMBUT	1
	SETIAWANGSA	1862
	TITIWANGSA	255
	WANGSA MAJU	552
	JUMLAH W.P KUALA LUMPUR	4150
W.P LABUAN	LABUAN	285
JUMLAH W.P LABUAN		285
v^'> JUMLAH KESELURUHAN -		/f*'?-4-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

NO. SOALAN: 53

DARIPADA

**DATO'SRI ONG TEE KEAT
[PANDAN]**

**TARIKH JAWAPAN : 2 APRIL 2012 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status bekalan air semasa serta unjurannya dalam lingkungan lima tahun di negeri Selangor. Apakah daya usaha yang telah, sedang dan akan diambil untuk menangani unjuran tersebut. Nyatakan juga cabaran dan rintangannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan maklumat Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), kapasiti bekalan air pada masa kini bagi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 4,326 juta liter sehari berbanding dengan permintaan secara purata sebanyak 4,221 juta liter sehari. Ini bermakna bahawa rezab bekalan air adalah sekitar 2.4% berbanding rezab yang optimum di antara 10 hingga 15 peratus. Rezab bekalan air ini dijangka akan terus menurun hingga ke tahap defisit untuk tempoh lima tahun akan datang sekiranya langkah-langkah segera tidak diambil bagi menanganinya.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Persekutuan telah mengunjurkan defisit bekalan air ini sejak tahun 2008. Sebagai langkah menangani masalah bekalan air yang dijangka akan bertambah kritikal menjelang tahun 2014, Kerajaan Persekutuan telah mengambil tindakan proaktif untuk melaksanakan Skim Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor yang dijangka akan dapat

menampung permintaan bekalan air pengguna-pengguna di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga tahun 2025. Dengan siapnya Skim ini kelak, bekalan air tambahan sebanyak 1,130 juta liter sehari akan dapat dibekalkan kepada pengguna-pengguna di kawasan-kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 yang merupakan sebahagian daripada Skim ini telah mengalami kelewatan disebabkan penangguhan kelulusan daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi perkara-perkara yang melibatkan kelulusan pengambilan tanah, penggunaan tanah rizab hutan simpan dan arahan pembangunan. Disebabkan penangguhan kelulusan-kelulusan tersebut, Kerajaan Persekutuan terpaksa mengambil tindakan alternatif bagi memastikan pengguna-pengguna air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya terus mendapat bekalan air secara berterusan sehingga Skim Bekalan Air Mentah Pahang-Selangor disiapkan kelak.

Untuk tujuan itu, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Program Mitigasi Fasa 1 pada tahun 2010 dengan peruntukan berjumlah RM285 juta bagi

meningkatkan kapasiti bekalan air tambahan sebanyak 320 juta liter sehari untuk menampung permintaan bekalan air sehingga tahun 2014. Namun, langkah ini masih tidak dapat menyelesaikan masalah bekalan air yang dijangka akan terus dihadapi selagi Kerajaan Negeri Selangor enggan bekerjasama untuk memberikan kelulusan-kelulusan yang diperlukan bagi melaksanakan Projek Loji Rawatan Air Langat 2.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan baru-baru ini telah mengambil langkah untuk meluluskan Program Mitigasi Fasa 2 yang akan dapat meningkatkan kapasiti bekalan air sebanyak 541 juta liter sehari dan dijangka dapat menampung permintaan bekalan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga tahun 2017. Walau bagaimanapun, sekiranya Kerajaan Negeri Selangor masih enggan bekerjasama, Kerajaan Persekutuan terpaksa mengambil langkah-langkah tambahan bagi memastikan rakyat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mendapat bekalan air yang mencukupi dan berterusan. Oleh itu, saya menyeru supaya Kerajaan Negeri Selangor memberi kerjasama dengan kadar segera kepada Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan isu bekalan air di negeri Selangor ini.

'k'k'k'k'k'-k'k-kiciclc'k'kic'kicie'kic'kit'k'k'klc'klc'k'kic'kickiclc'k'kic'k-k'kjic'k'kieic'kicicic'k'k-k'kick-kic'k'kie'k'k'k'k

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN

OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN

MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN
KITINGAN
[KENINGAU]**

**TARIKH 2 APRIL 2012
SOALAN**

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [KENINGAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar masalah kelemahan perkhidmatan dan kekurangan kemudahan perubatan di luar bandar khususnya kekurangan hospital dan klinik Kerajaan, doktor dan jururawat, dan kalau sedar apakah tindakan Kementerian untuk menangani masalah ini khususnya di daerah Tambunan dan Keningau.

Tuan Yang di-Pertua

Dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan khususnya bagi penduduk di daerah Tambunan dan Keningau, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah bilangan Pegawai Perubatan dan menaik taraf fasiliti sedia ada di daerah berkenaan.

Untuk makluman, daerah Tambunan adalah daerah yang terletak di kawasan pedalaman Sabah dengan keluasan 1,258 kilometer persegi. Anggaran penduduk di daerah ini berdasarkan bancian penduduk pada tahun 2010 ialah seramai 35,000 orang dengan majoriti penduduknya berketurunan Murut dan Dusun.

Sehingga kini di daerah Tambunan terdapat fasiliti berikut:

- i. Sebuah hospital tanpa pakar:
 - a) Berkapasiti 49 buah katil;
 - b) 3 orang Pegawai Perubatan;
 - c) 15 orang Penolong Pegawai Perubatan; dan
 - d) 62 orang Jururawat Terlatih.
- ii. 2 buah Klinik Kesihatan;
- iii. Sebuah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak; dan
- iv. 8 buah Klinik Desa.

Hospital Tambunan ketika ini memberikan perkhidmatan rawatan untuk pesakit luar, pesakit dalam (wad lelaki, wad perempuan, wad bersalin dan wad kanak-kanak), rawatan kecemasan, dewan bedah kecil dan juga hemodialisis. Selain dari itu perkhidmatan klinik pakar

(Perubatan Am, Pembedahan Am, Oftalmologi, O&G, Ortopedik, Pediatrik dan Psikiatri) juga disediakan melalui lawatan oleh Pegawai Perubatan Pakar dari Hospital Keningau dan Hospital Mesra Bukit Padang yang datang mengikut jadual yang telah ditetapkan (mengikut jenis rawatan pakar).

Manakala daerah Keningau pula merupakan daerah yang terletak di kawasan pedalaman Sabah dengan keluasan 3,717 kilometer persegi. Anggaran penduduk di daerah ini berdasarkan bancian penduduk pada tahun 2010 ialah seramai 195,700 orang dengan majoriti penduduknya berketurunan Murut dan Dusun.

Sehingga kini di daerah Keningau terdapat fasiliti berikut:

- i. Sebuah hospital berpakar:
 - a) Berkapasiti 212 buah katil;
 - b) 9 orang Pakar Perubatan;
 - c) 44 orang Pegawai Perubatan;
 - d) 31 orang Penolong Pegawai Perubatan; dan
 - e) 331 orang Jururawat Terlatih.
- ii. 5 buah Klinik Kesihatan;
- iii. Sebuah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak; dan
- iv. 13 buah Klinik Desa.

Hospital Keningau memberikan perkhidmatan rawatan untuk pesakit luar, pesakit dalam dan rawatan kecemasan, hospital ini juga

memberikan perkhidmatan perubatan kepada rakyat (Perubatan Am, **Tuan Yang di-Pertua** Pembedahan Am, Oftalmologi, O&G, Ortopedik, Pediatric, Radiologi dan Bius).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar bahawa masih terdapat kekurangan Pegawai Perubatan, terutamanya Pegawai Perubatan Pakar dan Jururawat untuk berkhidmat di fasiliti-fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Oleh itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah bilangan penjawat awam di KKM. Perkara ini dapat dilihat melalui peningkatan lantikan Pegawai Perubatan Latihan Siswazah di KKM yang melebihi 3,000 orang setahun mulai tahun 2009 berbanding dengan hanya 1,290 orang pada tahun 2007.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah Pegawai Perubatan Latihan Siswazah yang dilantik pada tahun 2011 ialah seramai 3,564 orang. Pertambahan yang amat ketara ini disumbang oleh peningkatan jumlah institusi pengajian tinggi dalam negara yang menawarkan kursus dalam bidang perubatan serta peningkatan tajaan pelajar dalam bidang perubatan ke luar negara.

Di samping itu, sebagai langkah tambahan, KKM juga telah melantik Pegawai Perubatan secara kontrak untuk berkhidmat di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM. Sehingga 29 Februari 2012, terdapat seramai 643 orang Pegawai Perubatan kontrak di KKM.

Begitu juga bagi Jururawat, KKM tidak menghadapi masalah bekalan untuk mengisi kekosongan jawatan di KKM memandangkan Institusi Latihan KKM (ILKKM) berjaya mengeluarkan Jururawat terlatih antara

2,600 ke 2,900 orang setahun.

Dengan bertambahnya bekalan Pegawai Perubatan dan Jururawat secara berterusan yang dilantik untuk berkhidmat di KKM, penempatan pegawai terbabit dapat dilaksanakan dengan lebih meluas ke seluruh negara termasuklah di daerah Tambunan dan Keningau.

KKM akan terus berusaha untuk menempatkan lebih ramai Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan ke hospital-hospital di daerah ini. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i. Pengambilan Pegawai Perubatan dan pakar warganegara asing secara kontrak;
- ii. Pelantikan semula Pegawai Perubatan dan pakar KKM yang telah bersara secara kontrak; dan
- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara *sessional*.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memberikan perhatian kepada keperluan anggota yang mencukupi dan terlatih untuk penambahbaikan perkhidmatan di hospital, klinik kesihatan serta klinik desa. Sehingga kini, jumlah Pegawai Perubatan Pakar yang berkhidmat di Sabah adalah 212 orang termasuk 15 orang Pakar Perubatan Keluarga (FMS). Jumlah Pegawai Perubatan pula ialah seramai 594 orang di mana terdapat 352 (37.2%) kekosongan yang

belum diisi. Bilangan jururawat pelbagai gred pula ialah seramai 4,930 orang (91.7%) dan masih terdapat kekosongan jawatan sebanyak 447 (8.3%). Kementerian sedang berusaha untuk menempatkan lebih ramai doktor bagi mengisi kekosongan tersebut.

Tuan Yang DiPertua

Pelbagai usaha telah dan akan terus dilaksanakan bagi mengimbangi perkhidmatan kesihatan di luar bandar. Antara lain strategi yang telah dan akan dilaksanakan termasuklah:

- i. Meningkatkan penempatan pegawai perubatan dan pergigian di kawasan luar bandar melalui arahan pentadbiran dan pemberian insentif seperti penempatan (posting) tempoh terhad, pemberian elaun wilayah dan kesusahan dan memberi keutamaan kepada mereka untuk kemajuan kerjaya seperti kemudahan biasiswa kepakaran dan kursus pendek di luar negara.
 - ii. Membina lebih banyak fasiliti kesihatan statik;
 - a) Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, di bawah *First Rolling Plan* sebanyak 9 fasiliti kesihatan baru/naik taraf sedang dilaksanakan, manakala dalam *Second Rolling Plan* sebanyak 2 klinik kesihatan baru akan dibina di Sabah.
 - b) Sementara itu sebanyak 27 projek di bawah Program Transformasi Luar Bandar Tahun 2012 akan dilaksanakan di Sabah yang melibatkan naiktaraf
- 6
- bangunan klinik kesihatan dan klinik desa termasuk

- pembinaan kuarters untuk kakitangan.
- c) Sehingga kini 8 Klinik 1 Malaysia telah pun beroperasi di Sabah.
- iii. Meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital-hospital daerah;
- iv. Memperkuuhkan perkhidmatan klinik bergerak darat, air dan udara termasuk perolehan baru dan penggantian kenderaan dan ambulans serta memperkembangkan perkhidmatan ‘doktor udara’ di kawasan pedalaman walaupun hakikatnya ia menelan belanja yang tinggi;
- v. Perluasan teknologi ICT sama ada *teleconsultation* di hospital atau *teleprimary care* di klinik kesihatan;
- vi. Meningkatkan program bakul makanan bagi mengurangkan masalah kekurangan zat makanan;
- vii. Mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan pergigian serta program pemfloridaan bekalan air; dan
- viii. Mengurangkan beban penyakit berjangkit dengan mempertingkatkan perkhidmatan pengesanan, perawatan dan pengawalan penyakit berjangkit serta mempertingkatkan kesihatan persekitaran dengan menaiktaraf bekalan air dan tandas sanitari.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan sentiasa berusaha membantu meningkatkan akses dan mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat agar sejajar dengan slogan ‘Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.’

NO.SO AL AN :<\$\$

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **DATO' HAJI WAN ABD.RAHIM BIN WAN
ABDULLAH
[KOTA
BHARU]**

TARIKH **2 APRIL 2012**

SOALAN:

DATO' HAJI WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH minta
PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan terkini urusan
Persempadanan Semula kawasan pilihan raya.

NO. SOALAN: 55

JAWAPAN: YB DATO'SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum ianya dikemukakan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual ke Tiga Belas Perlembagaan.

Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (iii) Perlembagaan Persekutuan selepas SPR mewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu. Sekian,

NO. SOALAN: 56

terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

Tuan Salleh Bin Kalbi [Silam]

TARIKH

2 April 2012 (Isnin)

NO. SOALAN

55

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggesa AirAsia mengkaji semula pelbagai caj tambahan yang dikenakan ke atas penumpang yang dilihat keterlaluan dan membebankan rakyat.

Jawapan:

Selepas Rasionalisasi Domestik yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada tahun 2006, semua syarikat penerbangan negara adalah bebas untuk menentukan harga tiket penerbangan masing-masing dan ini termasuk caj-caj sampingan untuk perkhidmatan tambahan yang dikenakan oleh syarikat-syarikat penerbangan tersebut termasuk syarikat penerbangan tambang murah. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan campur tangan sekiranya terdapat harga tambang yang *predatory* dikenakan kepada penumpang-penumpang. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan untuk menggesa AirAsia mengkaji semula pelbagai caj tambahan yang dikenakan ke atas penumpang sekiranya

caj tersebut adalah *predatory*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN **YB. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN**
DARIPADA **PASIR PUTEH 2 APRIL 2012 (ISNIN)**
KAWASAN
TARIKH
SOALAN:

YB. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah bilangan jambatan yang sepatutnya perlu diganti di laluan utama jajahan Pasir Puteh antara sempadan Kelantan-Terengganu di Bukit Yong hingga ke sempadan Pasir Puteh-Bachok di Kampung Jerus dan bilakah proses penggantian jambatan-jambatan ini akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya setakat ini telah mengenai pasti terdapat sebuah jambatan yang usang dan perlu dinaikkan taraf segera di Jalan Persekutuan 3 (FT003), Pasir Puteh, Kelantan. Struktur jambatan sepanjang 20 meter itu tersebut terletak di atas Sg. Pak Badol di seksyen 685, Jalan Kota Bharu - Kuaia Terengganu. Pemeriksaan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) terhadap struktur jambatan yang dibina pada tahun 1956 itu mendapati ia tidak lagi selamat digunakan dan telah pun ditutup kepada lalu-iintas sejak tahun 2009. Berikutan itu, JKR telah membina jalan lencongan sementara bagi menghubungkan kenderaan di lokasi berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya amat prihatin mengenai kesulitan yang dihadapi pengguna berikutan daripada penutupan jambatan tersebut. Sehubungan itu, kementerian ini telah menerima kelulusan dari Agensi Pusat untuk membina jambatan baru bagi menggantikan jambatan usang tersebut. Anggaran kos projek yang terlibat ialah sebanyak RM4.65 juta. Pada masa kini, JKR masih sedang dalam peringkat awal untuk melaksanakan proses tender bagi tujuan pemilihan kontraktor. Berdasarkan kepada perancangan, pelaksanaan fizikal projek membina jambatan baru di atas Sg. Pak Badol, Pasir Puteh, Kelantan ini dijangka akan dimulakan selewat- lewatnya pada pertengahan tahun ini, melibatkan tempoh siap kerja selama 18 bulan.

Sekian, terima kasih.

*NO** : *S ^~^*
-NamiW-r-6'4—

-NO-AUP~-‘

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN
HAJI SALLEH [KALABAカン]**

TARIKH : 2 APRIL 2012

RUJUKAN : 4508

SOALAN

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) apakah Kementerian sedar bahawa jenayah kejam dan zalim sudah sampai ke tahap yang menakutkan; dan
- (b) jika sedar, bolehkah Kementerian menyenaraikan penyebab utama mengapa perkara ini semakin menjadi-jadi di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kalabakan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri memberi jaminan kepada rakyat bahawa jenayah di dalam negara ini adalah terkawal. Jenayah bunuh pada amnya disifatkan sebagai “non preventable crime”. Ini adalah kerana terdapat berbagai-bagai punca atau motif kejadian bunuh antaranya seperti masalah sosial, ekonomi dan “psychological”. Walaubagaimanapun, berdasarkan perangkaan kes bunuh dari tahun

2009 hingga tahun 2011, dapat dilihat penurunan yang ketara iaitu pada tahun 2009 sebanyak 597 kes bunuh telah dilaporkan dan pada tahun 2010 pula, kes bunuh telah menurun sebanyak 36 kes kepada 561 kes. Manakala pada tahun 2011 pula, sebanyak 540 kes telah dilaporkan dan ianya menyusut sebanyak 21 kes berbanding tahun 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian dan PDRM sentiasa komited dalam mengendalikan kes-kes jenayah kejam dan zalim ini selaras dengan objektif kerajaan untuk menurunkan kadar jenayah jalanan sebanyak 25 % dan jenayah seluruh negara sebanyak 5 % pada amnya. Dalam mencapai objektif ini pihak PDRM khususnya telah menjalankan beberapa strategi bagi menangani masalah jenayah seluruh negara. Di antaranya ialah:-

- Tindakan fizikal iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan bermotosikal di

kawasan-kawasan tumpuan orang ramai dan tindakan 'stop and talk' adalah dilihat berkesan. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik bersesuaian dengan konsep "Police Omnipresence", akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah.

- Rondaan kereta peronda (MPV) juga telah dipertingkatkan dan diadakan sepanjang masa di kawasan yang kerap terdedah kepada perlakuan jenayah. Sebarang laporan menggunakan Talian Hotline akan mendapat "Respond" yang cepat daripada anggota MPV yang bertugas 24 jam.
- Menyelaraskan operasi secara berterusan dengan memberi tumpuan terhadap kes-kes ragut dan samun tepi jalan (Ops Rentap), curi kenderaan (Ops Lejang), pecah rumah (Ops Pintu) dan curi kabel logam dan tembaga (Ops Lusuh), sebagai sebahagian daripada usaha melaksanakan program NKRA di bawah inisiatif NKPI 1.1. iaitu menurunkan kadar Jenayah Indeks sebanyak 5% dan NKPI 1.2. iaitu menurunkan kadar Jenayah Jalanan sebanyak 20%.
- "RakanCop" telah memainkan peranan yang berkesan dalam tindakan polis berkaitan Pencegahan Jenayah, di mana orang awam boleh menghubungi polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang kejadian jenayah secara menghantar SMS ke talian 32728 atau dengan panggilan ke talian Hotline 03-2115 9999 dan tindakan serta merta akan diselaraskan.
- Pemasangan CCTV di tempat-tempat strategik merupakan salah satu langkah pencegahan jenayah ke arah mewujudkan Bandar Selamat. Walaupun pemasangan CCTV bukan bidang kuasa polis tetapi dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan, usaha ini telah dilaksanakan dan berjaya membantu dalam pencegahan jenayah.

- ⑤ Dalam usaha memerangi jenayah dengan menggunakan konsep '*intelligence lead policing*', PDRM telah mewujudkan Unit Risikan Bersepadu (*Central Intelligence Unit - CIU*) sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah yang dijalankan akan digunakan untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih efektif.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA

[PADANG TERAP]

TARIKH : 2 APRIL 2012

SOALAN:

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-

- (a) keluasan sebenar tanah rizab Melayu semenjak diperkenalkan Enakmen Rizab Melayu; dan
- (b) keluasan sebenar tanah rizab Melayu yang masih ada sehingga tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak pentadbiran tanah negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, tiada maklumat yang tepat mengenai keluasan sebenar kawasan Rizab Melayu yang telah diwartakan semenjak Enakmen-enakmen Rizab Melayu negeri mula diperkenalkan seawal 1913. Ini berpunca daripada pewartaan terdahulu adalah bersifat deskriptif dan tidak menyatakan keluasan yang jelas mengenai kawasan Rizab Melayu yang telah diwartakan itu. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan kawasan Rizab Melayu yang pernah diwartakan semenjak enakmen-enakmen tersebut dikuatkuasakan tidak dapat diperolehi dengan tepat.

- (b) Berdasarkan semakan terkini yang telah dijalankan bersama pentadbiran tanah negeri-negeri yang mempunyai kawasan Rizab Melayu, adalah dianggarkan jumlah keluasan tanah Rizab Melayu di Semenanjung Malaysia sehingga 31 Disember 2010 ialah seluas 4.272 hektar.

Sekian, terima kasih.

NO

SOALAN PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN :

DARIPADA

TARIKH

LISAN

**YB TUAN LIEW CHIN
TONG (BUKIT BENDERA)**

**02.04.2012
(ISNIN)**

SOALAN:

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan status kejayaan
PERHEBAT:-**

**(a) berapa peratus nisbah kejayaan bekas anggota tentera
yang telah berjaya dalam sektor korporat dan perniagaan
berbanding dengan jumlah yang masih bergantung kepada
bantuan dan belum integrasi dengan masyarakat awam; dan**

(b) AWALANJAAN PERHEBAT dari tahun 2000 hingga 2012 berbanding dengan jumlah orang menyertai program.

Tuan Yang di-Pertua,

Lebih kurang 30% daripada bekas tentera yang menjalani latihan di PERHEBAT telah menceburi diri dalam bidang keusahawanan dan selebihnya bekerja makan gaji mengikut bidang latihan yang telah mereka lalui.

Perbelanjaan latihan PERHEBAT dari tahun 2000 hingga Mac 2012 telah melibatkan wang sebanyak RM62,400,767 bagi melatih kira-kira 116,748 bakal pesara ATM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH JAWAPAN : 02 APRIL 2012 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah kes usikan jangka (meter) oleh pelanggan TNB dari tahun 2005 hingga sekarang seluruh negara yang menyebabkan para pelanggan dikenakan caj terkurang yang tinggi dan membebankan kes yang diselesaikan dan dibawa ke mahkamah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah Kes Usikan Pepasangan Meter (KUPM) yang dikesan oleh TNB bermula dari tahun 2005 hingga 2011 (tempoh 7 tahun) adalah dianggarkan sebanyak 65,500 kes (iaitu kurang 1% dari jumlah keseluruhan pengguna). Jumlah yang direkodkan ini adalah termasuk KUPM berulang. Jumlah tuntutan terkurang caj pula merujuk kepada jumlah hasil yang tidak direkodkan akibat kegagalan meter merekod bacaan sebenar akibat usikan yang dilakukan oleh pengguna terlibat.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, pihak TNB sentiasa mengalu-alukan kedatangan pengguna yang terlibat dengan kes usikan meter untuk berbincang dengan TNB bagi menyelesaikan kes tuntutan secara damai. Pengguna juga dinasihatkan agar mengemukakan bukti yang sahih bagi menyokong sebarang dakwaan dan seterusnya, membolehkan pihak TNB mempertimbangkan semula semakan tuntutan asal.

Namun begitu, sekiranya tiada jalan penyelesaian dicapai, pihak TNB terpaksa membuat tuntutan sivil ke atas kehilangan hasil melalui peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

Untuk kemudahan pelanggan yang ingin mendapat maklumat lanjut

berhubung meter dan bil elektrik, pihak TNB juga ada menyediakan maklumat berkaitan di laman sesawang TNB dalam bentuk FAQ atau *Frequently Asked Question*, dengan izin, dan advertorial.

Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga sentiasa memantau pengendalian kes usikan meter oleh TNB bagi memastikan pematuhan tatacara (*Standard Operating Procedure*, dengan izin atau SOP) di tahap maksima. Ini adalah bagi memastikan perkara ini dijalankan dengan berhemah, telus dan adil.

PERTANYAAN

DARIPADA : DR. RAMASAHHY A/L PALANSSAiSY
[BATU KAWAN]

TARIKH : **2 APRIL 2012**

LISAN

SOALAN:

DR. **RAMASAMY** A/L PALANSSAMY minta PERDANA MENTERS menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) untuk membersihkan sistem pilihan raya seperti yang telah dituntut oleh gabungan NGQ di bawah perhimpunan BERSIH.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR senantiasa responsif terhadap perubahan-perubahan semasa dengan melakukan proses rekayasa menerusi usaha pengupayaan dan penambahbaikan di dalam pengurusan dan operasinya.demi untuk memantapkan lagi sistem pilihan raya, sekali gus demokrasi di Malaysia. Bagaimanapun, sebarang usaha tersebut perlu berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan Iunas demokrasi Negara.

Justeru sebagai sebuah Negara yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen semua pihak, termasuk daripada BERSIH, diberi ruang dan peluang untuk terlibat dalam mengemukakan pandangan dan cadangan penambahbaikan terhadap institusi SPR termasuk undang-undang dan peraturan-peraturan pilihan raya yang sedia ada.

Oleh sebab yang demikian, Kerajaan menubuhkan **Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya** bagi membincangkan penambahbaikan kepada proses pilihan raya agar lebih telus dan adil. Langkah ini merupakan suatu inisiatif yang produktif dan progresif selain menjadi simbol *constructive engagement* (permuaafakatan yang membina) di antara parti-parti politik yang mewakili satu suara rakyat Malaysia bagi membincang dan mencari kata sepakat mengenai bentuk penambahbaikan yang perlu dilaksanakan sebelum dilaksanakan pada Pilihan Raya yang akan datang.

Walhasilnya, pada 1 Disember tahun lalu, seperti mana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, YB Pengurus Jawatankuasa Pilihan Khas ini, di dalam laporan interimnya, telah membentangkan 10 syor dan telah pun diluluskan di dalam dewan yang mulia ini. Syor-syor tersebut merupakan natijah daripada 4 sesi pendengaran awam yang telah diadakan dan telah pun dikemukakan kepada SPR selaku agensi teraju iaitu agensi yang bertanggungjawab bagi melaksanakan syor-syor tersebut.

Di samping itu, SPR telah memaklumkan bahawa sebahagian syor tersebut telah pun diberi perhatian dan tindakan-tindakan wajar telah dan sedang dilakukan untuk merealisasikannya. Bagaimanapun, memandangkan terdapat syor-syor baharu yang dikemukakan dalam beberapa sesi pendengaran awam lagi yang telah diadakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya selepas pembentangan laporan interim pada 1 Disember tahun lalu, SPR menjangkakan terdapat beberapa perkara lain yang akan turut sama diangkat sebagai syor oleh Jawatankuasa di dalam laporan akhirnya yang akan dibentangkan pada sesi Mesyuarat Dewan Rakyat ini nanti.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF [BALIK PULAU]**

TARIKH

2 APRIL 2012

SOALAN

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [
Balik Pulau] minta MENTERI LUAR
NEGERI menyatakan tindakan Kerajaan
Malaysia terhadap skandal jenayah Jack
Abramoff pelobi yang didapati bersalah yang
telah melibatkan nama baik kedutaan
Malaysia di Washington D.C.**

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Balik Pulau atas soalan yang dikemukakan.

Kes mahkamah dan pengakuan bersalah pelobi Amerika Syarikat Jack Abramoff pada tahun 2006 dalam kes penipuan, pengelakan cukai dan konspirasi tidak ada kaitan dengan Kedutaan Besar Malaysia di Washington D.C atau Kerajaan Malaysia.

Beliau didakwa dan dijatuhkan hukuman penjara ke atas kesalahan- kesalahan tersebut kerana menyalahi undang-undang negara Amerika Syarikat dan dakwaan tersebut tidak sama sekali berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan Kedutaan Besar Malaysia atau Kerajaan Malaysia.

Dakwaan sedemikian rupa tidak menjelaskan usaha dan fungsi Kedutaan Besar Malaysia di Washington D.C. untuk meningkatkan jalinan hubungan dengan Kerajaan, institusi dan rakyat Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENG~~GAL~~^{SOALAN} 63
PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
[BALING]**

TARIKH 2 APRIL 2012 [ISNIN]

SOALAN

Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa dan garis panduan yang mana boleh dan yang mana tidak boleh mengenai kehadiran ke majlis perayaan agama kaum lain.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang diPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke 68 yang bersidang pada 12 April 2005 telah membincangkan dan mengeluarkan Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari kebesaran Agama Bukan Islam. Di dalam Garis Panduan ini telah digariskan dan dinyatakan panduan-panduan bagi umat Islam dalam menghadiri majlis perayaan agama bukan Islam. Garis Panduan tersebut menetapkan beberapa kriteria

utama perlu dijadikan garis panduan supaya ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut:

- i. majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam;
- ii. majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak;
- iii. majlis tersebut tidak disertakan dengan “perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam” di negara ini;
- iv. majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh “menyentuh sensitiviti masyarakat Islam”; dan
- v. pihak penganjur dan orang ramai diminta **mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama** sebelum menganjur atau menghadiri majlis perayaan orang yang bukan beragama Islam.

Untuk mendapatkan Garis Panduan yang lengkap Ahli Yang Berhormat boleh merujuk kepada Portal e-Fatwa JAKIM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

—NO-AFM : 74—

„NQ AUP ■■■”

TARIKH TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH]

RUJUKAN 2 APRIL 2012

4509

SOALAN :

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan jenis kesalahan trafik yang telah berjaya di saman di negeri Kelantan dan berapakah jumlah saman yang berjaya dipungut sejak 2008 di negeri ini. Apakah langkah-langkah khusus Kerajaan dalam menangani kesalahan trafik di kalangan belia dan remaja.

JAWAPAN

Tuan yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ketereh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan statistik beberapa jenis kesalahan lalulintas yang sering dilakukan oleh pengguna adalah seperti memandu laju, tidak mematuhi lampu merah, tiada lesen memandu, tidak memakai topi keledar, tidak memakai tali keledar, tiada cukai jalan dan halangan lalulintas. Berdasarkan statistik berkenaan, pada tahun 2008, sebanyak 123,065 saman telah dikeluarkan dan 88,290 saman telah berjaya diselesaikan. Pada tahun 2009, 131,374 saman telah dikeluarkan dan 93,552 saman telah diselesaikan. Pada tahun 2010 pula sebanyak 137,240 saman telah dikeluarkan dan 91,205 saman telah diselesaikan. Manakala pada tahun 2011, 116,124 saman telah dikeluarkan dan 42,103 saman telah berjaya diselesaikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberikan komitmen yang berterusan dalam menangani kesalahan trafik di kalangan belia dan remaja melalui aspek penguatkuasaan mahupun pendidikan. Dari aspek penguatkuasaan pelbagai operasi telah dijalankan seperti Ops motosikal, Ops lumba haram, Ops cermin gelap, Ops lampu isyarat merah, Ops perangkap laju dan Ops alkohol. Semua Ops ini dijalankan secara berkala dan digabungkan apabila sesuatu perayaan yang besar seperti Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina.

Dari segi aspek pendidikan, pihak PDRM bersama Kementerian Pelajaran

Malaysia (sekolah), syarikat-syarikat swasta, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), media massa dan lain-lain jabatan kerajaan telahpun merangka beberapa pendekatan bagi mendidik masyarakat iaitu pengguna-pengguna trafik amnya supaya lebih peka terhadap kesalahan trafik. Antaranya adalah dengan mengadakan kempen atau ceramah di sekolah-sekolah menengah dengan penglibatan pihak PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru) dan pihak Kementerian Pelajaran melalui PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) bersama PDRM. Selain itu, pameran di tempat tumpuan orang ramai dan pengiklanan yang melibatkan pihak media masa sama ada media elektronik mahupun media cetak supaya menepati kumpulan sasaran dan memberi kesan yang mendalam.

Dari aspek hukuman pula, pesalah-pesalah trafik diberikan hukuman yang bersifat mencegah dan mengajar sebagai contoh Mahkamah telah mengambil tindakan dengan melaksanakan hukuman bagi pesalah-pesalah juvana yang disabit kesalahan di bawah Sek 42 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 supaya melakukan kerja amal di bawah pemantauan kebajikan masyarakat. Hukuman ini adalah perlu supaya dapat mendidik golongan ini untuk menginsafi kesalahan mereka, setimpal dengan usia mereka yang masih muda.

Aspek penguatkuasaan dan pendidikan yang berterusan adalah perlu bagi menangani kesalahan trafik di kalangan belia dan remaja dan sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan. Usaha ini dipergiatkan lagi dengan bantuan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan di semua peringkat di seluruh negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB DATO' IBRAHIM BIN ALI
(PASIR MAS)**

**TARIKH 02.04.2012
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah Kementerian akan mempertimbangkan pemberian sagu hati RM3,000 kepada bekas tentera yang pernah berkhidmat pada zaman darurat dan konfrontasi seperti mana yang dinikmati bekas anggota polis. Ini kerana terdapat sekitar 14,000 tentera yang pernah berkhidmat pada era tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Program sumbangan RM3000.00 tersebut adalah untuk bekas polis yang bertugas sebagai pasukan keselamatan semasa pemerintahan British. Berlainan pula dengan bekas *Sarawak Rangers* yang mana pembelaan mereka adalah sebagai seorang Veteran ATM yang mana kemudahannya diperolehi melalui Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan (SBKP) yang terdapat di Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM). SBKP merupakan program bantuan kewangan bagi menjaga kebajikan Veteran ATM dan

JAWAPAN: tanggungan mereka yang memerlukannya supaya dapat memperbaiki dan menjalani kehidupan yang lebih selesa.

Pemberian bantuan ini dinikmati semenjak JHEV ATM ditubuhkan pada tahun 2001 dan kemudahan sedemikian tidak dinikmati oleh mereka yang berkhidmat dalam PDRM semasa zaman pemerintahan British. Terdapat lima kategori bantuan di bawah skim ini iaitu Bantuan Sara Hidup, Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan Ke Institut Pengajian Tinggi Awam/Politeknik (IPTA), Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam. Bantuan Sara Hidup di antara RM100.00 hingga RM300.00, adalah disasarkan terutamanya kepada veteran yang susah dan daif.

JHEV juga menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk bayaran perubatan termasuk rawatan, rawatan hemodialisis, peralatan pesakit dan ubat-ubatan tanpa membezakan samada Veteran itu berpencen atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak penubuhan JHEV ATM pada tahun 2001, pihak Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM140.9 juta untuk bayaran faedah-faedah perubatan, RM40.4 juta

untuk Bantuan Pendidikan Sekolah dan kemasukan IPTA dan RM35.7 juta untuk Bantuan kebajikan lain termasuk Bantuan Sara Hidup.

Dengan wujudnya kemudahan ini, pihak Kerajaan berpendapat adalah memadai dan adalah lebih banyak kemudahan yang diterima jika dibandingkan dengan RM3000.00 jika dihitung secara berpanjangan.

JAWAPAN: